



● BIL 299 ● 31 JAN - 6 FEB 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



**Hari Wilayah Persekutuan 2025**

# Mengubah generasi

➤➤ 2-3

DBKL raih tiga  
anugerah emas  
➤➤ 7

Harimau Malaya  
ke Piala Dunia?  
➤➤ 9-11

AI bantu media  
berdaya saing  
➤➤ 16

# WILAYAH PERSEKUTUAN KITA



**M**ELEPASI tempoh satu tahun dua bulan berkhidmat di Wilayah Persekutuan, ia telah memberikan perspektif berbeza buat figura ini, **DR ZALIHA MUSTAFA** selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) sejak Disember 2023.

Zaliha melihat ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (WP) - Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya mempunyai potensi untuk dimajukan seiring aspirasi Kerajaan MADANI menerusi generasi baharu sekali gus membangunkan nilai manusiawi di Wilayah Persekutuan.

Menerusi pendekatan pembangunan di bawah konsep Whole of Nation selari dengan kerangka C.H.A.S.E City, Zaliha berkongsi aspirasi kepada Wartawan Kanan, **AZLAN ZAMBRY** betapa beliau optimis bahawa perubahan minda rakyat serta pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan perlu dimulakan sekali gus dapat menyediakan masyarakat yang lebih berilmu dan bertanggungjawab sebagai sebahagian daripada masyarakat yang lebih bertamadun di pejabatnya baru-baru ini.

## Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025, apakah program yang dirancang?

Hari Wilayah pada tahun ini 51 tahun, jadi untuk sambutan tahun ini ia tidaklah seperti tahun lepas iaitu 50 tahun dan ia agak istimewa. Jadi kita ada program yang telah dirancang untuk sepanjang Februari ini melibatkan lebih 60 program bagi ketiga-tiga WP.

Kita mulakan dengan Kempen Kibar Bendera WP di Pavilion bersempena Program Bersih Semua Tempat (BeST). Jika anda tanyakan berkenaan perancangan tahun 2025 ini, bagi WP, kita baru selesai pemukiman pengurusan tertinggi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Saya minta setiap agensi melihat apakah pencapaian mereka atas KPI yang ditetapkan pada tahun 2024. Dan kemudian melihat juga apakah cabaran jika ada yang tidak capai dan tahun 2025 apakah perancangan dan keutamaan yang hendak diberi berdasar penetapan KPI. Jadi inilah perkara yang dibincangkan semasa pemukiman dan bagi saya pencapaian itu agak membanggakan.

## Berbanding pentadbiran lalu, YB memperuntukkan setiap bulan

## untuk melakukan lawatan kerja ke Labuan, apakah fokus YB terhadap pulau itu dari aspek pembangunan?

Labuan yang dahulunya seolah-olah disisihkan, tetapi untuk tempoh setahun selepas saya ambil alih, saya nampak ada banyak perubahan walaupun ia mungkin bukan suatu yang besar seperti pelaburan.

Namun ada perkara yang saya rasa membantu khususnya dalam aspek sosioekonomi rakyatnya. Saya nampaklah beberapa perkara, contohnya tentang masalah ketersalinghubungan (*connectivity*) yang sebelum ini diumpamakan masalah *chicken and egg*. Tetapi alhamdulillah, sudah ada syarikat-syarikat yang menambah jumlah penerbangan ke Labuan. Ini adalah satu pencapaian bagi saya.

Selain itu, *connectivity* lain adalah feri kerana Labuan ini pulau dan untuk menghubungkannya mestilah melalui feri dan ia mesti dihubungkan dengan Sabah, Sarawak dan Brunei. Ramai yang berulang-alik dari Kota Kinabalu ke Labuan kerana antara mereka bekerja dalam bidang minyak dan gas. Kita hendak mempermudah

lagi, hendak meningkatkan produktiviti kerana masa yang dihabiskan untuk perjalanan itu agak lama. Katalah ada yang menetap di Kota Kinabalu, harus ke Menumbok dengan perjalanan selama 1 jam 30 minit hingga 2 jam. Dan dari Menumbok menaiki feri ke Labuan melibatkan 1 jam 30 minit juga. Itu saja hampir 3 ke 4 jam. Itu perjalanan sehalu dan ulang-alik turut melibatkan jumlah masa yang sama.

Perancangan Jambatan Labuan - Sabah itu kita tetap akan teruskan dan ia mengambil masa lama. Sekarang ia masih di dalam peringkat kajian kebolehlaksanaan dan kita telah diperuntukkan RM3 juta untuk melaksanakan kerja-kerja awal. Hasil kajian ini kita akan dapati daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertanggungjawab terhadap projek tersebut.

Ada beberapa kajian sebelum ini yang kita telah dengar ada yang kata RM4 bilion, ada kata RM7 bilion, malah jajaran juga berbeza sebab ada yang katanya 12 kilometer (km), ada juga 8km. Ada juga yang cadang supaya pembinaannya menghubungkan Menumbok ke Pulau Dalat yang kemudian boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan dan

terus ke Labuan. Ada beberapa pilihan mengenainya dan *Task Force* Jambatan Labuan - Sabah itu masih bekerja untuk mengkaji rancangan Permintaan Untuk Cadangan (RFP) dan ada juga syarikat kata sanggup tetapi hendak dapatkan pulangan tertentu. Model perniagaannya masih belum dibincangkan, namun akhirnya ia bergantung kepada kerajaan dan ia akan membawa limpahan ekonomi kerana ia adalah *game changer* untuk Labuan.

## Bagaimana isu bekalan elektrik dan air bersih di Labuan?

Banyak perancangan untuk Labuan, tetapi masalah asas iaitu elektrik dan air mesti diselesaikan terlebih dahulu. Insya-Allah saya yakin masalah bekalan elektrik ini akan selesai menjelang tahun 2028, tetapi air masih lagi dalam perancangan.

Saya sudah maklumkan kepada Perdana Menteri, kita melihat juga aspek penghasilan air kerana sekarang kita bergantung kepada Sabah dan ia melalui paip bawah tanah dan banyak *Non-Revenue Water* (NRW) adalah istilah yang merujuk kepada bekalan air terawat yang tidak sampai kepada

pengguna berikutan paip pecah dan jika di dasar laut, ia lagi sukar kerana pam pun sudah lama. Pengumuman PM berkenaan peruntukan RM300 juta itu digunakan. Dengan selesai masalah asas ini nanti, saya lebih yakin untuk memanggil pelabur luar ke Labuan. Setakat ini, kita lihat aspek komersial dahulu, yang kecil-kecilan dan gunakan kapasiti Labuan sebagai pulau bebas cukai.

## Kuala Lumpur menghadapi masalah perubahan iklim menyebabkan isu banjir kilat yang seolah-olah tiada penyelesaian, apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?

Insya-Allah tahun 2025 ini, kita ada keutamaan contohnya pembangunan, sektor sosioekonomi dan setiap agensi sudah berikan kepada saya tetapi belum susun lagi. Tetapi secara umumnya kalau dari sudut pembangunan mungkin kita sekarang ini boleh tengok satu konsep yang menggabungkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Seperti di Kuala Lumpur, apabila hujan sahaja akan menyebabkan banjir kilat. Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) juga sudah melakukan banyak persediaan, namun hujan yang disebabkan perubahan iklim ini, kadangkala kapasiti taburan air hujan ini terlalu tinggi menyebabkan banjir kilat.

Dalam sudut pembangunan ini, kita akan tengok yang itu dan kita akan juga anjurkan pembangunan semula adalah antara kaedah terbaik berbanding pembangunan baharu walaupun kita perlu, namun kawasan contohnya flat-flat lama dan bukan hanya residensi sahaja, kita kena tengok juga kepada kemudahan lain seperti pasar di Keramat, Pasar Pudu, Pasar Selayang dan yang itu kita kena beri keutamaan. Walaupun projek tersebut tidak dimulakan pada tahun 2025, tetapi ia dimasukkan di dalam perancangan.

Untuk mitigasi banjir ini, kita ada pelan untuk Kuala Lumpur dan berikutan perubahan iklim ini, kita menghadapi cabaran baharu dan kita tengok ada kawasan-kawasan baharu yang sebelum ini tidak pernah banjir, tetapi ia dinaiki air. Jadi kita kenal pasti seperti banjir pada 15 Oktober 2024, kita dapati ada 16 kawasan *hot spot* baharu yang tidak pernah banjir sebelum ini. Saya telah berbincang dengan Datuk Bandar apa yang boleh kita laksanakan ialah untuk pembangunan baharu kita akan wajibkan sekali membina cadangan mitigasi banjir. Contohnya kita boleh menerima pakai polisi Bioswale Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu landskap yang boleh menampung air hujan. Kapasitinya tidak besar dan *On Site Detention* (OSD) yang boleh membantu menampung air pada masa hadapan.

**YB memperkenalkan konsep C.H.A.S.E City, bagaimana kaedah itu boleh membantu menangani isu tersebut?**

Menerusi C.H.A.S.E City, misi utama kita adalah mesra alam, jadi saya bincang tempoh hari, contohnya OSD ini sudah ada air di dalamnya, saya minta supaya Datuk Bandar fikirkan cara untuk kita guna semula air itu. Oleh kerana ia tidak dirawat, dengan kaedah mengepam air itu masuk ke dalam lori tangki milik DBKL dan ia boleh digunakan untuk menyiram tanaman dan landskap.

Pada tahun hadapan, kita gunakan kaedah baharu itu, kita cuba juga untuk kawasan hijau dan sebenarnya untuk menjaga dan memelihara kawasan hijau ini tidak murah dan kos agak tinggi. Jadi kita minta supaya komuniti dilibatkan khususnya landskap di hadapan bangunan dan kita buat sistem usaha sama melibatkan komuniti supaya mereka boleh berperanan untuk menjaga landskap. Sebabnya kadangkala ada yang buang sampah di kawasan seperti itu dan akhirnya kita yang kena kutip dan bersihkan. Kalau mereka jaga keindahan kawasan itu atas tanggungjawab mereka, tetapi kita akan beri insentif yang lain contohnya pengurangan cukai atau apa-apa yang berkaitan serta gunakan duit itu untuk bantu DBKL dengan memastikan keindahan dan kebersihan terus dipelihara.

Jepun sudah mulakan inisiatif seumpama itu, bahkan banyak program yang telah dibuat dan kita boleh belajar daripada mereka. Tahun lalu saya melawat Shanghai, China dan mereka ada teknologi mitigasi banjir yang menggunakan konsep *sponge city* seperti kaedah *bioswale*, OSD dan sebagainya. Dan mereka juga ada kawasan hijau yang bukan sahaja cantik dan indah, bahkan mereka ada pokok-pokok yang boleh membantu untuk mengekalkan air. Insya-Allah, kita buat perkongsian strategik menerusi inisiatif Sister's

City dan kita sudah mula dan ketika kunjungan itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlan Mak Ujud dan pihak DBKL turut sama. Kita akan melatih pegawai kita dan hantar untuk belajar dengan kerjasama Shanghai Municipal Council.

**Ada persatuan peniaga yang mengkritik YB berikutan cadangan supaya DBKL mengurus sendiri lesen dan tapak bazar Ramadan di Kuala Lumpur, apa pandangan YB berkenaan perkara itu?**

Saya suka mengambil cabaran. Bagi saya apabila ada bunyi-bunyi di luar kita perlu ambil yang positif dan meninggalkan kata-kata negatif. Saya tidak bercakap banyak pasal perkara itu, kerana isunya adalah peniaga bazar Deepavali di Brickfields. Masalahnya adalah persatuan memberikan tapak melebihi daripada apa yang DBKL benarkan dan saya mempersoalkan mengapa mereka buat begitu kerana ia menimbulkan kacau ganggu melibatkan isu parkir, lalu lintas dan kesesakan orang ramai. Jadi saya ambil keputusan untuk tidak akan memberikan lesen kepada persatuan sebaliknya kita berikan terus kepada peniaga.

Sebenarnya pada awal tahun 2024, kerajaan telah membuat keputusan yang sama untuk bazar Ramadan dan ia disambut oleh PPj dan Perbadanan Labuan (PL) yang memberikan lesen perniagaan terus kepada peniaga. Tetapi kenapa Kuala Lumpur tidak dapat buat dan kita tidak salahkan DBKL kerana ia mungkin melibatkan kawasan yang besar. Kemudian DBKL kata, kita ada masalah dari sudut tenaga kerja, petugas tidak ramai untuk menjaga sehingga lebih 6,000 tapak.

Tetapi apabila saya sebutkan mengenai isu di Brickfields

itu, persatuan yang biasa mengendalikan bazar marahlah. Tetapi bagi saya sepatutnya mereka tidak perlu marah saya, cabar saya, cabar DBKL. Kita adalah pihak berkuasa dan kerajaan. Kita ada kapasiti untuk mengendalikan apa jua perkara walau apa pun yang mereka katakan dan selesaikan masalah dengan hanya memberikan arahan sahaja.

Jadi misalnya pada tahun ini selepas kita laksanakan dan alhamdulillah saya juga sudah tengok dan dengar sendiri pembentangan daripada bahagian yang bertanggungjawab, termasuk Datuk Bandar sendiri dan kita boleh selesaikan. Kita juga bekerjasama dengan pihak korporat seperti Bank Muamalat dan ia kaedah yang baik kerana nilai inklusif dari aspek itu malah peniaga juga mendapat kemudahan tajaan payung niaga. Sehingga ia berjaya dilaksanakan, baru saya boleh kata bahawa saya berpuas hati atau tidak, kerana kita belum pun menempuhi bulan Ramadan lagi. Risau itu ada juga, tetapi saya akan terus memantau perkembangannya dan insya-Allah ia berjaya.

**Apakah matlamat utama YB sepanjang tempoh menerajui WP yang rencam serta mempunyai 1,001 masalah?**

Saya sering melihat banyak perkara yang perlu diatasi, contohnya isu kebersihan, itu adalah *mindset*. Tadi kita sebut pasal tidak bayar sewa, ini juga disebabkan sikap dan *mindset* orang kita. Saya nampak perkara ini, untuk mengubah sesuatu masyarakat itu kita perlu mengambil masa yang agak lama, bukan sebulan dua atau setahun dua.

Saya berpandangan, untuk mengubah situasi ini ia mesti bermula daripada generasi. Kita

perlu bentuk generasi kerana yang sekarang ini macam itu. Hendak ubah itu bukan mudah, tetapi boleh dengan generasi. Saya nampak, walaupun ia tidak boleh dikatakan sebagai penyelesaian tuntas, *one-off* adalah dengan mendidik anak-anak ini dan ia bermula dari kecil iaitu ketika di prasekolah dan sekolah rendah. Macam mana orang Jepun yang bukan Islam itu boleh membentuk rakyat mereka, bagaimana Finland itu boleh membentuk masyarakatnya itu sehingga boleh menjadi negara yang maju dan bertamadun, kerana mereka mendidik anak-anak mereka dengan cara yang sebetulnya.

Banyak saya nampak, saya tak nak kata pasal siapa, macam zaman saya dahulu belajar, kita ini semua berorientasikan peperiksaan. Mungkin KPM perlu lihat semula, saya rasa kita kena lari daripada kaedah itu. Sebab itu apa yang Perdana Menteri buat untuk mengurangkan mentaliti subsidi, ia sebenarnya bagus dan ia perlu bermula walaupun hendak buat pada ketika ini orang marah kerana ramai yang sudah biasa.

**YB sudah menerajui portfolio WP sudah satu tahun dua bulan, sudah pasti banyak perkara yang menjadi agenda YB, apakah fokus YB sebelum tempoh penggal ini tamat?**

Apabila bertukar portfolio dari Kementerian Kesihatan (KKM) ke WP, memang ia berbeza dan banyak urusan dengan komuniti walaupun ada juga sewaktu di KKM tetapi ia melibatkan dasar. Di WP ini juga ada dasar, tetapi ia lebih mendekati dengan rakyat.

Setahun dua bulan ini, saya rasa belum berpuas hati sepenuhnya. Kita sudah dengar bahawa ada perubahan-perubahan berbanding pentadbiran terdahulu iaitu sebelum Kerajaan MADANI. Macam contoh isu peniaga bazar yang kita selesaikan walaupun banyak lagi isu legasi, tetapi bagi saya banyak lagi hendak buat, *there more room to improve*.

Saya rasa kalau tempoh masa dua tahun setengah ini tidak cukup. Sebab bagi saya, dalam mana-mana kerajaan pun, penggal pertama adalah merancang dan penggal kedua untuk melaksanakan. Tetapi untuk tempoh lima tahun ini, yang mana mudah itu kita buat dahulu. Secara jujurnya, saya terus mencari ruang untuk memperbaiki, bagi saya untuk berpuas hati itu belum sampai lagi. Saya rasa ada banyak lagi perkara untuk dilakukan walaupun ada yang kata bagus itu, saya bersyukur dan itu yang kita mahukan.

Bagi saya, Kuala Lumpur yang menjangkau usia 120 tahun ini, banyak isu legasi yang perlu diberikan perhatian. Macam Putrajaya masih baik kerana ia bandar terancang, masalah utiliti itu agak kurang tetapi kita tidak nafikan masih ada. Labuan pula bagi saya *virgin island* dan masih boleh merancang untuk perubahan dan ia boleh menjadi bandar pintar terbaik menerusi perancangan yang bagus, cumanya perlu selesaikan masalah utiliti.



# Anwar ke luar negara kukuhkan hubungan diplomatik

## INISIATIF STRATEGIK

AINI MAWAWI

**R**ANGKA lawatan kerja ke luar negara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan langkah terbaik untuk memastikan bahawa Malaysia mendapat perhatian yang seharusnya oleh kuasa ekonomi besar dunia, termasuk gabungan dan organisasi kerjasama ekonomi.

Menurut Penganalisis Strategi, Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaya, **Collins Chong Yew Keat**, lawatan tersebut membolehkan susunan dan gabungan modal kewangan, perancangan polisi pelaburan dan usaha sinergi yang lebih tersusun dan holistik.

"Hal tersebut amat diperlukan dalam merencanakan jumlah dan sasaran polisi pelaburan dan skop kerjasama ekonomi yang akan mendatangkan manfaat kepada negara.

"Lawatan ini merupakan inisiatif kritikal dan strategik dalam memperkasa kapasiti ekonomi dan hubungan diplomatik dalam memperluas rangkaian kebergantungan ekonomi dan pasaran negara.

"Ia selari usaha untuk mempertingkatkan sandaran pilihan yang dapat memberikan jaminan baharu kepada dua faktor utama iaitu mempertahankan *fundamental* struktur ekonomi asas negara yang berlandaskan kepada sektor pembuatan, elektronik dan sumber asli yang memerlukan pasaran lestari dan konsisten.

"Selain itu, ia memberikan ruang untuk mencari sumber pelaburan dan jaminan sokongan teknologi dan kepakaran dalam usaha transisi ekonomi negara ke arah ekonomi digital dan berteknologi tinggi yang berpaksikan kepada sektor kritikal termasuk teknologi kecerdasan buatan (AI), semikonduktor, tenaga baharu, *big data* dan sumber mineral kritikal seperti nadir bumi," ujar beliau.

Tambahnya, usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab antarabangsa dalam sektor kritikal termasuk ekonomi digital dan juga hasrat sebagai Lembah Silikon di Timur, memerlukan kebijaksanaan dalam navigasi



**ANWAR** ketika mengadakan pertemuan bersama Presiden Majlis Eropah, Antonio Costa sempena lawatan kerja ke Belgium.

persaingan kuasa luar dan juga kepentingan dalam menjamin kemasukan modal, kepakaran serta modal insan berkemahiran tinggi.

"Lawatan tersebut juga bagi memastikan keupayaan dalaman untuk meraih suntikan luar demi membangunkan industri tempatan dan kapasiti modal insan tempatan yang akan memberikan impak positif berangkai kepada pembangunan negara.

"Ini selari dengan objektif untuk mempertingkatkan mobiliti sosial, kualiti kehidupan dan pendapatan total bagi pasaran tempatan.


"Kita sedar bahawa usaha transformasi ekonomi negara memerlukan suntikan modal dan kepakaran luar dan juga kebergantungan kuasa dan pasaran luar juga mesti dipertingkatkan untuk memastikan kapasiti masa depan perdagangan negara kekal terjamin," ujarnya.

Katanya sebagai negara maritim dan perdagangan, sandaran sepenuhnya diletakkan kepada kestabilan dan

keterbukaan pasaran dan kuasa ekonomi luar dalam menerima eksport utama negara terutamanya komoditi dan sumber asli untuk memastikan kesinambungan industri tempatan dan pulangan kepada pekerja dan rakyat tempatan.

"Dua faktor utama iaitu keinginan dan keyakinan pelabur luar daripada industri dan sektor swasta dan juga keyakinan serta jaringan diplomatik dan kebergantungan ekonomi yang kukuh dengan kuasa ekonomi utama dunia, menjadi nadi utama dalam memastikan sinergi keseluruhan jentera peningkatan pulangan ekonomi dan sektor lestari untuk negara.

"Usaha untuk melonjak daya saing dan kekentalan ekonomi negara banyak bergantung kepada faktor luar dan usaha *economic friendshoring* menjadi salah satu lonjakan yang diperlukan untuk menarik pelaburan langsung.

"Usaha memperkukuh hubungan komprehensif dengan negara kuasa ekonomi memainkan peranan langsung dalam pasaran luar eksport dan juga pembangunan kapasiti ekonomi tempatan melalui industri dan sektor baharu yang digariskan," kata beliau. 

# Malaysia tulang belakang ASEAN

**HANYA** dalam tempoh dua tahun lebih menerajui negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya membuka mata dunia serta muncul seorang pemimpin yang berani dan mempunyai kesungguhan dari rantau Asia Tenggara.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM),

**Dr Mohammad Tawfik Yaakub**,

Kepengerusi ASEAN oleh Malaysia bermula Januari 2025 telah membuka peluang yang lebih luas kepada negara untuk mendapat penghormatan dan suara yang lebih didengari oleh negara-negara kuasa besar dunia.

"Selain manfaat kepada Malaysia, rantau ASEAN juga mendapat perhatian antarabangsa menerusi lawatan luar negara Anwar selaku Pengerusi ASEAN.

"Rangka lawatan beliau dalam konteks mempromosi peluang pelaburan di negara-negara ahli, kestabilan rantau, memperkukuh hubungan multilateral serta menyuarakan pendirian Malaysia selaku Pengerusi ASEAN mengenai perlunya pembelaan kepada isu rakyat Palestin.

"Ia juga menunjukkan peningkatan kadar pelaburan tempatan dan meningkatkan lagi penghormatan dunia kepada Malaysia sekali gus telah melonjakkan kembali sektor ekonomi tempatan dengan komitmen pelaburan," ujar beliau.


Tambahnya, secara tidak langsung Malaysia telah menjadi tulang belakang penting kepada ASEAN untuk memperjuangkan pelbagai isu rantau serta antarabangsa yang lebih berkesan sepanjang menyandang Kepengerusi ASEAN tahun ini.

"Sosok kepimpinan Anwar merupakan 'jantung' sebagai penggerak kepada semua kejayaan yang sedang dikecapi sama ada di peringkat Malaysia, ASEAN dan global khususnya dalam isu Palestin," katanya.

Ujarnya, Anwar mempunyai iltizam politik untuk merealisasikan usaha mengembalikan kedudukan Malaysia yang disegani dan juga berperanan sebagai negara yang menjadi pusat tumpuan dunia," katanya.

Siri lawatan ke negara-negara luar dalam tempoh yang singkat menunjukkan komitmen luar biasa Anwar dan Kerajaan Perpaduan yang bersungguh-sungguh melaksanakan usaha pemulihan ekonomi.

"Saya teruja dengan keupayaan luar biasa dari segi tenaga, kesungguhan dan semangat Anwar untuk bertemu dengan ketua-ketua kerajaan, syarikat asing dan pelabur baharu.

"Usaha bersungguh-sungguh memulihkan ekonomi ini bagi memastikan Malaysia kembali menjadi tumpuan pelabur asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan menambahkan pendapatan negara. Seperti mana yang dizahirkan Perdana Menteri, matlamat dalam meningkatkan keterlihatan Malaysia dan ASEAN tercapai," ujar beliau. 



**MOHAMMAD TAWFIK**



**COLLINS**

# Bandar berjaya perlu 'jiwa'

**SEBUAH** bandar yang berjaya bukan hanya tentang pencakar langit yang megah atau lebuhraya bertingkat tetapi ia harus memiliki jiwa, elemen yang menyatukan budaya, komuniti dan sejarah, ujar Perancang Bandar Berdaftar, **Abdul Razak Abdul Rahman**.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Sahabat Amal Jaya Lembah Klang turut menekankan identiti budaya adalah asas kepada jiwa sesebuah bandar.

"Negara ini mempunyai kawasan seperti Kampung Baru dan Chinatown yang kaya dengan warisan, ia boleh dijadikan pusat pelestarian budaya dan disuntik elemen kontemporari, seperti ruang seni interaktif.

"River of Life misalnya, boleh dihidupkan

dengan penganjuran acara seni, persembahan budaya dan ruang makan terbuka," cadangnya.

Selain itu, perlunya keseimbangan sosial yang mana kepentingan kebersamaan mewujudkan hubungan emosi yang mendalam antara penduduk dengan bandar mereka.

"Kita perlu bina lebih banyak ruang awam seperti taman komuniti atau pasar awam tetap yang boleh menjadi pusat pertemuan bagi semua lapisan masyarakat. Ini adalah langkah penting untuk mengurangkan jurang sosial," katanya.

Tambahnya, jika New York dikenali sebagai The City That Never Sleeps, Kuala Lumpur juga perlu memiliki identiti tersendiri.


"Kampung Baru misalnya, boleh

dijadikan simbol Tradisi dalam Modeniti, menggabungkan budaya Melayu dengan seni bina kontemporari," ujar beliau.

Selain Kuala Lumpur, Abdul Razak berkata, Putrajaya boleh menjadi pusat mobiliti hijau dengan memperbanyakkan laluan basikal dan mengurangkan kebergantungan pada kereta.

"Putrajaya perlu dioptimumkan sebagai bandar pintar dengan teknologi hijau dan sistem digital yang lebih efisien sementara Labuan pula berpotensi menjadi hab ekonomi maritim serantau, setanding Dubai atau Singapura.

"Labuan perlu tingkatkan infrastruktur pelaburan untuk menjadi zon perdagangan bebas utama di Asia Tenggara.

"Selain itu, fokus kepada ekopelancongan dan pelancongan marin, seperti yang dilakukan Maldives, mampu menjadikan Labuan lebih menarik kepada pelabur dan pelancong," jelasnya. 



**ABDUL RAZAK**

Didakwa tidak peka isu beras tempatan

# SEDANG BUAT LIBAT URUS

**A**KHIR-AKHIR ini kembali kecoh isu beras tempatan yang didakwa kononnya kerajaan terus melakukan penyelewengan.

Bukan itu sahaja, terdapat segelintir netizen dan pembangkang mendakwa Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu atau Mat Sabu gagal menjalankan tugasnya dalam menyelesaikan isu beras putih tempatan yang berlarutan lebih dua tahun.

Dakwa mereka, Mat Sabu juga tidak bertanggungjawab untuk serius menangani isu keterjaminan makanan itu buat rakyat. Hanya tahu buat kajian demi kajian, tetapi tiada penyelesaian. Sedangkan rakyat perlu keputusan segera.

Bukan itu sahaja, mereka turut mendakwa peranan Bahagian Kawal Selia Padi Dan Beras tidak berkesan dalam membantu menteri mencari penyelesaian dan hanya menjanjikan kajian demi kajian yang tiada kesudahan.

Jangan mudah melatah atau menuduh yang bukan-bukan tanpa melihat usaha kerajaan.

Sebenarnya, kerajaan sedang mengenal pasti situasi menang-menang melibatkan semua pihak berkepentingan dalam isu bekalan beras putih tempatan dan harga belian padi. Banyak perkara yang perlu kerajaan pertimbangkan sebelum membuat keputusan.

Mohamad berkata untuk itu, pihaknya memerlukan sedikit masa lagi bagi melakukan libat urus dengan teliti sebelum satu penyelesaian tuntas dapat diumumkan.



**MOHAMAD SABU, pada perasmian Konvensyen Nasional 2024 AMANAH pada Sabtu.**

“Bagi kami, kepentingan pengguna, petani, pengilang dan pengedar, semua ini perlu dijaga kerana mereka ada peranan masing-masing, sebab itu kami sedang buat libat urus dengan lebih panjang.

“Kami juga akan berbincang bersama Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dengan persetujuan beliau, kami akan buat perubahan diperlukan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Nasional Amanah 2024, baru-baru ini.

Mohamad berkata, perbincangan bersama Perdana Menteri itu akan dimulakan seawal minggu pertama persidangan Parlimen tahun ini, selain menyatakan kesediaan untuk

menjawab segala persoalan yang timbul mengenai isu berkenaan pada persidangan itu nanti.

“Kami akan cuba mencari jalan untuk memuaskan semua pihak, kalau tuntutan padi misalnya, harga sepatutnya ditetapkan setakat mana, bagaimana berlaku kenaikan harga beras, bagaimana dengan B40, semua ini akan dibincangkan bersama NACCOL,” katanya. 🗨️

## ‘Mereka kena cuci katarak politik’

**KECOH** baru-baru ini kononnya Kerajaan MADANI bakal tumbang dan menyaksikan kejatuhan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dakwa mereka, Ahli Parlimen Semberong, Datuk Seri Hishammuddin bakal menjadi Perdana Menteri selepas beberapa urusan diselesaikan.

Sebenarnya isu mahu tumbangkan Kerajaan MADANI bukanlah isu baharu. Malah sudah berkali-kali tular dalam media sosial.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** menyifatkan individu yang memperlekehkan kekuatan Kerajaan Perpaduan selain sering menantikan kejatuhan barisan pimpinan kerajaan sedia ada, sebagai golongan rabun politik.

Katanya, dakwaan Kerajaan Perpaduan akan jatuh telah timbul sejak setahun yang lalu, namun sehingga hari ini barisan Jemaah Menteri di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, masih relevan dan dipercayai masyarakat.

“Saya ada baca satu hantaran di



**FAHMI menyifatkan individu memperlekeh kerajaan, golongan rabun politik.**

media sosial, rangkuman dari seawal Disember 2022, ada kumpulan yang sejak Disember, tiap-tiap bulan kata bulan ini (kerajaan) akan tumbang.

“Bulan depan, minggu depan akan tumbang, Tahun Baharu Cina akan

tumbang, hari raya akan tumbang, bulan lapan, bulan 12 akan tumbang.

“Kepada mereka yang selalu bercakap tentang perkara ini, saya nampak mereka mungkin rabun politik. Jadi, saya menggesa mereka

untuk buat pemeriksaan mata dan kena bersihkan ‘katarak politik,’ selorohnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika berucap pada sidang akhbar, selepas merasmikan Majlis Pembukaan Bahagian Baharu (Orchid Wing) OasisEye Specialists di Nexus, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam masa sama, Fahmi turut memaklumkan bahawa sebelum ini Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS), Tan Sri Abang Johari Tun Openg menegaskan bahawa parti itu akan terus kekal menyokong Kerajaan Perpaduan termasuk Anwar sebagai Perdana Menteri sehingga ke akhir penggal.

“Kepada mereka yang cuba mengapi-apikan sentimen, pihak berkuasa sedang menyiasat dan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang, maka mereka akan dihadapkan ke muka pengadilan,” tegasnya.

Penegasan Fahmi ini sudah cukup membuktikan, ‘kerajaan bakal tumbang’ hanya angan-angan kosong. 🗨️

### MENARIK WILAYAHKU



#### KUALA LUMPUR

**16/2/25:** KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur

**16/2/25:** JomRun @ Dataran Merdeka

**27/4/25:** OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

**23/5 - 1/6/25:** Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



#### PUTRAJAYA

**6 - 8/2/25:** Hari Terbuka Putrajaya @ Dataran Putrajaya, Presint 3

**9/2/25:** Putrajaya Inter-Park @ Dataran Putrajaya

**15/2/25:** Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



#### LABUAN

**6/2/25:** Forum Perdana Hal Ehwal Islam @ Dewan Konvensyen Ujana Kewangan

**9/2/25:** Larian Hari Wilayah Persekutuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

**26 - 30/7/25:** Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

### TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWKM: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

# SETIAP PERJUANGAN JANGAN HANYA SEKADAR SLOGAN



**Kerusi DUN Nenggiri berjaya dirampas semula oleh Barisan Nasional (BN). Bagaimana YB melihat terjemahan di sebalik kemenangan itu?**

Pertamanya saya memanjatkan rasa syukur alhamdulillah di atas kejayaan dan kemenangan DUN Nenggiri terhadap BN. Kemenangan ini bagi saya bukan sekadar kemenangan politik tetapi saya melihat ia sebagai satu amanah besar iaitu tanggungjawab yang perlu dipikul dengan penuh dedikasi. Kemenangan ini juga adalah mesej rakyat yang jelas bahawa mereka mahukan kestabilan, pembangunan yang berterusan dan kepimpinan yang memahami serta memenuhi keperluan mereka.

Jadi sewajarnya isu-isu rakyat seperti infrastruktur, pendidikan, peluang pekerjaan dan kemudahan asas diberi perhatian serius. Insya-Allah amanah dan kepercayaan ini tidak akan disia-siakan, saya akan terus berusaha untuk membawa perubahan yang memberi impak positif kepada penduduk di Nenggiri.

**Jika kena pada cara, tidak mustahil BN dan Kerajaan Perpaduan yang turut dianggotai Pakatan Harapan (PH) mampu menawan Kelantan pada pilihan raya akan datang. Apa strategi terbaik untuk ke arah itu?**

Hal ini adalah sesuatu yang realistik jika pendekatan yang tepat diambil ke arah itu, maksudnya di sini tindakan dan usaha-usaha yang tepat serta bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan rakyat. Saya percaya kejayaan itu tidak mustahil dan boleh dicapai. Namun dengan strategi-strategi yang memfokuskan kepada keperluan rakyat Kelantan secara menyeluruh. Antaranya memahami dan mendekati akar umbi dengan lebih berkesan, menyediakan solusi yang realistik terhadap isu-isu seperti kemudahan-kemudahan asas, peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan infrastruktur dan membangunkan fasiliti kesihatan dan pendidikan yang secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri Kelantan.

Setiap perjuangan jangan hanya sekadar slogan atau janji semata-mata, tetapi perlu bertindak dan mempunyai hasil nyata yang boleh dirasakan dan dinikmati oleh rakyat. Insya-Allah semoga suatu hari nanti dengan izin Allah kita akan berjaya.

**Pada pandangan YB, apa keperluan mendesak penduduk di kawasan DUN Nenggiri ketika ini?**

Saya memahami keperluan mendesak penduduk di kawasan ini berkait rapat dengan isu yang melibatkan keperluan dan kemudahan asas serta infrastruktur seperti baik pulih jalan kampung,



**SENTIASA mendekati rakyat menjadi kekuatan Azmawi Fikri (kanan) terutama dalam program-program bantuan rakyat.**

**M**EMENANGI Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri pada 17 Ogos tahun lalu, Yang Berhormat (YB) **MOHD AZMAWI FIKRI ABDUL GHANI** melihat ia sebagai mesej rakyat yang mahukan kestabilan.

PRK berkenaan diadakan berikutan kekosongan kerusi yang diumumkan Speaker DUN Kelantan selepas bekas penyandangnya digugurkan keahlian Bersatu pada 13 Jun.

Mohd Azmawi yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan menewaskan calon Perikatan Nasional (PN).

Terkenal dengan panggilan Awie, kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau menegaskan tidak akan mensia-siakan tanggungjawab yang digalas sebagai wakil rakyat demi kesejahteraan penduduk di Nenggiri mahupun seluruh negeri Kelantan.

jalan pertanian, baik pulih rumah, bina rumah baharu dan kemudahan awam seperti menaik taraf infrastruktur untuk kegunaan masyarakat. Saya akan berusaha dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dan Persekutuan serta agensi berkaitan untuk memastikan keperluan penduduk Nenggiri ini dapat dipenuhi.

**Bagaimana pula dengan kemudahan pendidikan dan kesihatan di Nenggiri?**

Dari segi pendidikan saya melihat kepada cabaran yang dihadapi oleh sekolah di kawasan luar bandar di Nenggiri ini yang masih berdepan cabaran seperti kekurangan kemudahan moden, keadaan bangunan sekolah yang perlu dinaik taraf serta akses kepada teknologi seperti Internet yang belum menyeluruh.

Dalam sektor kesihatan, walaupun kita mempunyai kemudahan asas seperti klinik kesihatan, terdapat cabaran besar dalam memastikan perkhidmatan ini mencukupi untuk populasi yang semakin bertambah. Antara isu yang memerlukan perhatian adalah peralatan perubatan yang kadangkala usang dan memerlukan penambahbaikan. Kesukaran penduduk di kawasan pedalaman mendapatkan rawatan

kecemasan kerana lokasi klinik yang jauh atau kekurangan pengangkutan perubatan seperti ambulans. Saya melihat keperluan untuk mempercepat projek naik taraf kemudahan kesihatan sedia ada, memastikan klinik kesihatan di setiap kawasan dilengkapi peralatan moden dan memperkenalkan inisiatif 'klinik bergerak' untuk mencapai kawasan yang terpencil.

**Bagi golongan belia di Nenggiri pula, dari sudut apa kehendak dan keperluan mereka yang perlu YB tangani atau perjuangkan?**

Golongan belia merupakan aset terbesar bagi pembangunan masa depan Nenggiri dan suara serta keperluan mereka harus diberikan perhatian serius. Saya percaya kehendak dan keperluan belia boleh dirangkum dalam beberapa aspek utama yang menjadi keutamaan untuk kita tangani dan perjuangkan seperti menaik taraf kemudahan sukan dan rekreasi, bekerjasama dengan agensi dan pihak berkaitan untuk meningkatkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran, persekitaran dan keperluan setempat.

Insya-Allah kita cuba untuk bekerjasama dengan pihak terlibat bagi membantu usahawan muda yang berminat menceburi

perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), bidang pertanian dan penternakan.

**Mengikut laporan, ramai golongan belia di Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri lain bagi mencari pekerjaan. Cara bagaimana keadaan ini dapat diatasi?**

Isu ini harus ditangani dengan pendekatan yang holistik. Hal ini bukan sahaja berkaitan dengan kekurangan peluang pekerjaan, tetapi juga soal pembangunan ekonomi, infrastruktur dan daya saing Kelantan. Memperkukuh sektor ekonomi tempatan dengan memanfaatkan kelebihan semula jadi negeri seperti sektor pelancongan, pertanian dan PKS. Contohnya, kita boleh mempergiat promosi ekopelancongan dan agropelancongan di kawasan yang mempunyai banyak tarikan alam semula jadi. Seterusnya kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Kelantan. Dengan adanya pelaburan ini, kita dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk belia kita.

Selain itu, aspek pendidikan dan latihan juga sangat penting. Kita perlu memastikan golongan belia

mendapat akses kepada latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa. Kerajaan negeri juga boleh memberi peluang dalam bentuk insentif kepada usahawan muda tempatan yang ingin memulakan perniagaan di negeri Kelantan.

**Bagaimana pula dengan kehendak dan keperluan pengundi dalam kalangan Orang Asli?**


Masyarakat Orang Asli adalah aset penting kepada DUN Nenggiri, dan pastinya keperluan mereka akan diperjuangkan untuk menyediakan kehidupan yang lebih baik termasuk kemudahan asas serta penambahbaikan jalan, pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Ramai dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Nenggiri masih menghadapi kesukaran untuk mendapatkan akses kepada infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air bersih dan elektrik. Keperluan ini amat mendesak kerana ia bukan sahaja mempengaruhi kualiti hidup mereka, tetapi juga menyukarkan mereka untuk mengakses peluang ekonomi dan pendidikan.

Projek naik taraf jalan kampung dan laluan pedalaman juga perlu mendapat perhatian pihak berwajib untuk memudahkan pergerakan harian mereka. Perkara ini juga telah kita angkat untuk diketengahkan bagi menyelesaikan masalah ini. Kebanyakan masyarakat Orang Asli bergantung kepada pertanian tradisional dan hasil hutan untuk menyara hidup. Kita akan mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada agensi yang terlibat bagi membantu mereka untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang lebih lestari dan berdaya saing.

**Apa kekuatan yang ada di Nenggiri dari sudut sosioekonomi?**

Dari sudut sosioekonomi, Nenggiri memiliki beberapa kekuatan unik yang dapat dimanfaatkan untuk memacu pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Saya melihat kekuatan ini terletak pada potensi sumber alam, kedinamikan masyarakat serta kedudukan strategik kawasan ini.

Nenggiri kaya dengan hasil alam seperti tanah yang subur untuk pertanian, kawasan berbukit yang berpotensi untuk pelancongan dan sumber air yang boleh dimanfaatkan secara lebih produktif. Pertanian dan penternakan sudah menjadi asas ekonomi kawasan ini dan dengan pengenalan teknologi moden serta kaedah pertanian lestari, hasil ekonomi daripada sektor ini boleh dimaksimumkan. 

**AZLAN ZAMBRY**

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi menunjukkan komitmen terhadap kecemerlangan bandar dengan memenangi tiga anugerah emas anjuran Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dalam Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2024 sekali gus menyerlahkan usaha inovatif DBKL dalam aspek kemampanan, penglibatan komuniti dan inisiatif bandar pintar.

Antara anugerah Emas yang dimenangi adalah Inisiatif 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) yang memupuk gaya hidup komuniti rendah karbon Kuala Lumpur. Program tersebut berobjektifkan kepentingan memelihara alam sekitar dalam kalangan penduduk di Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam (PPR/PA).

Program tersebut berfokus pada program kitar semula yang dipacu komuniti yang menekankan pengurangan sisa, penggunaan semula sumber dan amalan hidup lestari. Dengan memperkasakan komuniti tempatan melalui pendidikan dan kemudahan kitar semula yang boleh diakses, DBKL telah berjaya memupuk budaya penjagaan alam sekitar, menyumbang kepada matlamat menyeluruh bandar untuk mencapai jejak karbon rendah.

Selain itu, Sistem e-Pandangan diwujudkan bagi merevolusikan penyertaan orang ramai dalam perancangan bandar.

# DBKL RAIH TIGA ANUGERAH EMAS



**MAIMUNAH (tengah) bergambar bersama Pegawai Kanan DBKL selepas Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah MIP2024 di ibu negara baru-baru ini.**

Platform digital yang inovatif ini membolehkan penduduk memberikan maklum balas dan berkongsi pendapat tentang Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040, memastikan keterangkuman dan ketelusan dalam proses membuat

keputusan.

Dengan memanfaatkan teknologi, DBKL telah merapatkan jurang antara perancang dan orang ramai, menjadikan perancangan bandar lebih mudah diakses, partisipatif dan mencerminkan

keperluan bandar yang pelbagai.

Sebagai usaha berterusan dalam membina masa depan yang lebih hijau: Inisiatif Bandar Pintar Kuala Lumpur dan Pengurangan Pelepasan Karbon turut menerima anugerah emas dalam MIP2024.

Projek ini menyerlahkan komitmen DBKL untuk mengubah Kuala Lumpur menjadi bandar pintar yang mampan.

Melalui penyepaduan teknologi dan penyelesaian mesra alam, DBKL melaksanakan strategi untuk mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan kecekapan tenaga, dan menggalakkan mobiliti hijau.

Inisiatif utama termasuk penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pengembangan infrastruktur kenderaan elektrik (EV) dan pembangunan sistem pengangkutan awam pintar. Usaha ini selaras dengan visi Malaysia untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2050.

Ketiga-tiga anugerah tersebut diterima Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif serta pegawai kanan DBKL.

DBKL turut menerima anugerah kategori perak menerusi projek The Performance of Kuala Lumpur's Carbon Emissions in the Context of Urban Planning.

Pencapaian ini menandakan satu peristiwa penting bagi DBKL dan menyerlahkan potensi Kuala Lumpur sebagai model global untuk perancangan dan tadbir urus bandar yang mampan.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyampaikan Anugerah Felo Kehormat MIP kepada Premier Sarawak, Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari Abang Openg.

Sebanyak 69 anugerah berkaitan perancangan bandar dan desa telah disampaikan pada malam tersebut. 📌

## KL Strike Force terus 'bersihkan' ibu kota

**KUALA** Lumpur (KL) Strike Force yang membentuk pasukan petugas daripada pelbagai agensi terus menjalankan tindakan penguatkuasaan menerusi satu operasi bersepadu terhadap peniaga warga asing di sekitar Parlimen Bukit Bintang.

Operasi bersepadu di antara Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur berjaya menahan peniaga warga asing yang sedang menjalankan aktiviti penjajaan di sekitar Bukit Bintang.

"Menerusi hasil daripada operasi yang dijalankan, sebanyak enam notis tawaran kompaun telah dikenakan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan menggajikan warga asing di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Selain itu, sebanyak lapan unit barangan perniagaan dikenakan tindakan sita serta-merta dan kesemua barangan yang dikenakan tindakan pindah halangan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur



**PETUGAS KL Strike Force memeriksa warga asing yang ditahan dalam operasi bersepadu di Bukit Bintang baru-baru ini.**

untuk tindakan rekod dan dokumentasi," kata DBKL dalam hantaran di Facebook.

Menurut DBKL, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke

semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/> 📌

## 500 keluarga Tionghua terima sumbangan

**NILAI** kebersamaan dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di Kuala Lumpur akan menyemarakkan lagi keunikan masyarakat majmuk yang menyerlahkan imej Malaysia sebagai negara kaya dengan warisan seni dan budaya di persada antarabangsa, kata Pengarah Eksekutif (Sosioekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Ismadi Sakirin**.

Katanya, semua pihak mampu mengekalkan keharmonian agama dan sosial yang sedia ada kerana mempunyai rasa hormat yang mendalam terhadap rakan-rakan yang tidak seagama dan sebangsa.

"Usaha menyemai perpaduan ini diperkukuhkan dengan sikap sederhana yang kita amalkan dalam pelbagai aspek kehidupan dan tidak dinafikan rakyat Malaysia hari ini turut mempunyai perbezaan pendapat dan pandangan, namun itu tidak bermakna kita tidak mampu mencapai kesepakatan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan

Tahun Baharu Cina 2025 bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Batu, P. Prabakaran dan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Zulkifli Muhammad.

Menurut Ismadi, dalam usaha untuk menjaga kebajikan warga kota, DBKL mendukung seruan kerajaan dengan mengambil inisiatif bagi membantu warga kota, terutama kepada golongan yang memerlukan.

"Antara pendekatan yang diambil ialah pemberian sumbangan pada setiap perayaan dan seramai 500 keluarga dari masyarakat kaum Cina telah dipilih untuk menerima sumbangan melalui data eKasih iaitu yang tinggal dan menetap di sekitar Kuala Lumpur.

"Penerima sumbangan menerima wang tunai ber serta *goodies* sebagai tanda ingatan untuk meringankan beban dan memberi sinar perayaan bersama keluarga," katanya. 📌

Kerjasama strategik YWP dan JPWPKL

# RANGKA 6 PROGRAM UNTUK PELAJAR

DIANA AMIR

**S**EJAK penubuhannya pada tahun 1986, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam usaha pembangunan pendidikan pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Justeru, dalam usaha merealisasikan setiap program pendidikan yang direncanakan, YWP mengadakan satu kunjungan hormat ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) bagi memperkukuh kerjasama strategik di antara dua pihak.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, pertemuan tersebut bertujuan memperkukuh hubungan yang terjalin sejak tahun 1986.

"Kunjungan tersebut adalah antara usaha meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan komuniti Wilayah Persekutuan.

"Pelbagai program dirangka dan kami akan bincangkan dengan lebih terperinci bagaimana ia boleh dilaksanakan seterusnya memanfaatkan pelajar-pelajar di ibu kota ini," katanya.

Abdul Basir berkata, antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan bantuan makanan sekolah menengah.

"Program bantuan pemakanan telah dilaksanakan sejak tahun 2018 di mana ia memanfaatkan pelajar golongan berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan di mana pada tahun lalu, ia melibatkan seramai 7,000 pelajar.

"Kami akan bincangkan dengan lebih lanjut tentang bagaimana bantuan tersebut dapat dilaksanakan pada kali ini dengan memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada senarai.

"Selain itu, antara program lain yang



**ABDUL BASIR (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Megat Affandi ketika kunjungan hormat baru-baru ini.**

turut dirangka adalah Projek Tuisyen SPM & 3M di 10 Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) setiap minggu selama setahun, dermasiswa sekolah rendah dan menengah, bantuan murid tercicir, seminar buat pelajar yang bakal menduduki peperiksaan, bantuan Back to School dan lain-lain program pendidikan," ujarnya.

Jelasnya lagi, YWP berharap agar objektif ini akan memberi manfaat kepada masyarakat dan meneruskan inisiatif pembangunan yang berkesan di masa hadapan.

"Terima kasih diucapkan kepada Pengarah Pendidikan WPKL, Tuan Megat Affandi Datuk Wira Ismail di atas

sambutan mesra dan komitmen untuk bersama-sama menjayakan matlamat ini," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Basir berkata, YWP turut mengalu-alukan sumbangan daripada mana-mana individu atau syarikat korporat dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota.

"Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung Pendidikan Kebajikan & Pelajaran YWP di CIMB Bank (8001103675) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP," katanya.

Terdahulu, YWP telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat JPWPKL pada 21 Januari 2025. 📌

## Pameran unik bakal memukau

**KUALA** Lumpur bakal mengadakan satu pameran unik yang menggabungkan seni, kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar yang bertujuan menarik perhatian masyarakat dengan hasil seni, kraf, instalasi dan bengkel yang bertumpu kepada kelestarian.

Pameran seni yang merupakan kolaborasi antara Art Market Malaysia, ERL KL Ekspres dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar itu adalah platform kreatif untuk mempromosikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Art Market Malaysia dalam kenyataannya berkata, pameran yang bertemakan Kempen ESG Melalui Seni itu

menawarkan sesuatu untuk semua daripada seni memukau hingga pengalaman interaktif.

"Antara aktiviti yang akan diadakan adalah pameran karya seni dan kraf, gerai jualan, Projek Seni Kitar Semula, arca dan instalasi, Forum Perniagaan Global Malaysia serta pelbagai bengkel interaktif seperti mewarna batik, pertandingan *doodle* dan banyak lagi.

"Orang ramai dijemput untuk mengambil bahagian dalam perayaan seni dan kelestarian yang luar biasa ini di ERL KL Ekspres dari 18 April hingga 5 Mei 2025.

"Bersama-sama, mari kita sebarkan mesej ESG melalui bahasa universal seni dan menyumbang kepada masa depan yang lestari," ujarnya. 📌



**ANTARA karya seni yang mencerminkan tema ESG.**

# Promosi amalan pengurusan sisa

**RAKYAT** Malaysia digalakkan untuk meletakkan kelestarian sebagai keutamaan dengan menyatukan pendidikan dan pengaruh digital.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, **Shariman Yusuf Mohamed Zain** berkata, pihaknya terus memperkukuh peranannya dalam meneraju tentang kesedaran alam sekitar dengan menganjurkan Cyber Eco Hunt 2025.

"Program ini menjadi platform penting untuk mempromosikan amalan pengurusan sisa yang bertanggungjawab dan kelestarian, dengan pendekatan yang menggabungkan penglibatan digital dan komuniti.

"Kehadiran pempengaruh yang berwibawa meningkatkan peluang untuk mengubah sikap awam terhadap pengasingan sisa dan memperkenalkan peranan penting

Alam Flora dalam membentuk masa depan yang mampan. Kami percaya bahawa pengurusan sisa yang bertanggungjawab bermula dari rumah," katanya dalam satu kenyataan.

Shariman Yusuf berkata, Cyber Eco Hunt 2025 turut menjayakan usaha pasukan operasi Alam Flora yang berdedikasi dalam memastikan persekitaran awam yang bersih dan hijau.

"Para peserta dikehendaki menyertai lima *checkpoint* utama iaitu sarapan mangkuk tingkat di mana ia menggalakkan pengurangan plastik sekali guna untuk gaya hidup lebih mesra alam dan meminimalkan pembaziran makanan; *trash to treasure* yang memanfaatkan kreativiti peserta dalam mengitar semula bahan menjadi karya seni serta *checkpoint*

yang memberi fokus kepada amalan pengasingan dan kitar semula sisa yang betul.

"Seterusnya *checkpoint* penghargaan kepada pasukan operasi Alam Flora yang gigih menjaga kebersihan awam dan penyebaran mesej digital yang berimpak untuk memberi inspirasi kepada komuniti global," katanya.

Tambahnya, melalui jaringan luas pemimpin digital, Alam Flora menasaskan untuk menyampaikan mesej tanggungjawab alam sekitar dengan pantas dan berkesan kepada komuniti lebih besar, memacu kesedaran dan tindakan ke arah kelestarian.

"Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat dan berdaya tahan," katanya. 📌



**PARA peserta melakukan pengasingan sampah di salah satu 'checkpoint'.**





Bil 299 . 31 JANUARI - 6 FEBRUARI 2025



# Harimau Malaya ke Piala Dunia?

►►10-11

# BANYAK ASPEK PERLU DIPERBETULKAN

METRA SYAHRIL MOHAMED

**D**ANA tambahan lagi RM15 juta, sebelumnya RM15 juta diumumkan semasa Belanjawan 2025 kepada Harimau Malaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan keseriusan kerajaan terhadap pembangunan bola sepak negara.

Ia hadir ketika Harimau Malaya seolah-olah hilang taringnya, berada di belakang Thailand, Vietnam dan Indonesia dalam senarai ranking FIFA 2024.

Biarpun hadir jurulatih demi jurulatih, tempatan mahupun orang luar, pencapaian Harimau Malayai boleh dikatakan 'begitu-begitu sahaja'. Itu pandangan ramai orang yang sudah lama dahagakan Harimau Malaya beraksi penuh cemerlang di pentas antarabangsa.

Jauh di sudut hati mereka, teringin melihat Jalur Gemilang berkibar di tiang bendera di venue stadium tuan rumah Piala Dunia, sederet dengan bendera negara yang acap kali menempah slot di kejohanan paling mega itu.

Mustahil? Tidakkah mustahil jika ada kesungguhan dan paling penting disiplin dan sokongan semua pihak. Masakan tidak, Harimau Malaya berjaya melayakkan diri secara merit ke Piala Asia 2023 di Doha, Qatar selepas lebih 40 tahun.

Ini perlu ada tekad. Usaha kita berterusan sekadar berbangga dengan legenda bola sepak negara, Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari atau 'Supermohk'.

Ini masanya Harimau Malaya menambah koleksi menulis sejarah baharu dunia bola sepak negara.

Belajarlh dari Jepun, China dan Korea Selatan. Bagaimana tubuh genit mereka yang dahulu, kini boleh berada di Piala Dunia, bahkan nampak sama gagah dengan bangsa Eropah, Arab dan Amerika Latin ketika menggelecek bola.

Paling tidak, belajar dari Thailand dan Vietnam yang sentiasa konsisten dalam sukan 11 nyawa itu.

Bagi penganalisis sukan tempatan, **Mohd Sadek Mustaffa**, setiap impian untuk beraksi di Piala Dunia memerlukan perancangan akar umbi yang luas dan ramai.

Ini boleh dilakukan dengan latihan yang sistematik dan pendedahan di luar negara yang berterusan di peringkat bawah lagi. Malah tegas beliau, ia memerlukan dana yang besar selain jurulatih, kepakaran sains sukan serta kemudahan sukan yang terbaik.

"Kata mudahnya, ekosistem yang terbaik dari peringkat bawah

usia sehingga kepada pemain senior. Pembangunan pemain, jurulatih, pegawai dan fasiliti perlu selari untuk jangka masa lapan ke 15 tahun," katanya kepada Wilayahku.

## SEKOLAH LEBIH PENTINGKAN AKADEMIK

DALAM pada itu, beliau yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan UiTM Shah Alam berkata, negara pernah melahirkan pemain bola sepak yang layak bermain di dua Sukan Olimpik iaitu di Munich, Jerman (ketika itu Jerman Barat) pada 1972 dan Moscow (1980).

Bagaimanapun impian ke Moscow tidak kesampaian apabila Malaysia memboikot temasya kerana membantah pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan.

Kejayaan skuad negara layak ke Olimpik 1972 dicatatkan di Korea Selatan manakala kejayaan untuk skuad 1980 disambut di depan ribuan penyokong sendiri selepas kejayaan manis di Stadium Merdeka.

Biarpun begitu jelas Mohd Sadek, ketika itu ekosistem persekolahan dan sukan berlangsung seiring. Katanya, mereka yang lahir dengan sistem persekolahan pada waktu itu seimbang dengan falsafah pendidikan negara iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual atau disebut JERI.

"Namun kini keseimbangan itu semakin pupus kerana sekolah lebih mementingkan pencapaian akademik

yang mana ia lebih mendapat tumpuan dari semua sudut termasuk oleh media arus perdana," katanya penuh kecewa.

Mendasari semuanya itu tegasnya, penyokong sukan akan hadir menyokong di arena atau stadium jika prestasi sukan memperlihatkan gelagat pemain dengan aksi hebat dan menjanjikan kemenangan.

"Namun hasrat itu kerap terbantut dengan isu-isu kepimpinan yang lemas dan tidak dinamik serta progresif. Liga bola tempatan terpalit dengan isu asas pengurusan seperti gaji dan kelemahan kepimpinan," dakwanya.

## VIETNAM, THAILAND JAUH TERKEDEPAN

DITANYA mengenai kehadiran Peter Cklamovski selaku ketua jurulatih baharu skuad bola sepak kebangsaan; Robert Douglas Friend (Ketua Pegawai Eksekutif Harimau Malaya) dan Dr Craig

Duncan sebagai Ketua Prestasi Tinggi dan Perubatan Sukan, beliau berkata, ia memang kelihatan gah.

Namun jelas beliau, mereka bukannya 'memiliki mukjizat' yang dapat mengubah prestasi bola sepak dalam sekelip mata.

"A p a yang kita ada sekarang adalah jauh daripada standard yang boleh melayakkan kita juara A S E A N , Asia, Olimpik atau bermain di Piala Dunia. Ini perlu kitaran yang panjang dan usaha tanpa penat lelah, dari bawah hingga ke kebangsaan dan antarabangsa.

"Satu tanda yang jelas, tiada pemain kebangsaan bermain di liga-liga aras tinggi seperti di Jepun, Korea Selatan, Eropah dan Liga Perdana Inggeris (EPL) berbanding pemain Jepun dan Korea Selatan serta Asia Barat.

"Bukan itu sahaja, tiada jurulatih tempatan yang melatih kelab gergasi Asia, jauh lagi Eropah," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Vietnam dan Thailand, beliau memberitahu bahawa kedua-dua pasukan dari negara terbabit terkedepan kerana mereka membina ekosistem bola dari akar umbi hingga kebangsaan dengan usaha pihak persatuan, kerajaan dan swasta.

Mereka katanya, melihat sukan bola sepak menjangkau permainan itu sendiri dari aspek kesejahteraan sosial, ekonomi, politik serta penjaan imej negara.

"Sejak COVID-19, sukan secara keseluruhan di Malaysia hidup atas usaha ibu bapa terutama dalam sukan individu oleh keluarga yang berupaya dan berada.

"Dalam sukan-sukan elit seperti golf, renang, badminton, sukan ini berkembang kerana usaha ibu bapa dan kepimpinan persatuan yang sunyi kontroversi. Tetapi tidak bola sepak, setiap minggu ada sahaja isu negatif," jelasnya.

Beliau kemudiannya




menegaskan supaya semua pihak menjadikan sukan sebagai agenda negara selari dengan pencapaian pendidikan dan kemahiran.

Sehingga 19 Disember lalu, Thailand berada di kedudukan ke-97 dalam ranking FIFA manakala Vietnam di kedudukan ke-114.

Harimau Malaya ketika ini sedang melalui proses revolusi dengan kehadiran Cklamovski.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sebelum ini menjelaskan

misi awal buat Cklamovski adalah untuk layak ke pusingan akhir Piala Asia 2027 di Arab Saudi selain membawa skuad negara berada dalam kelompok 100 terbaik dunia.

Projek revolusi Harimau Malaya dicituskan Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail dan bakal membuka lembaran baharu kepada proses meningkatkan prestasi skuad negara di pentas antarabangsa. 

# Impian ke Piala Dunia satu agenda nasional

TIADA apa yang mustahil. Itu penegasan pemerhati bola sepak tempatan yang juga bekas Naib Presiden Persatuan Jurulatih Bolasepak Malaysia (PJBM), **Profesor Madya Dr Zulakbal Abd Karim** mengenai impian untuk meletakkan Harimau Malaya dalam kedudukan negara bersaing di pentas Piala Dunia.

Bagaimanapun jelasnya, untuk Harimau Malaya layak ke Piala Dunia, perlu dijadikan impian itu sebagai agenda nasional.

Paling penting baginya adalah

semua rakyat dan pemimpin berganding bahu dalam bidang masing-masing menuju ke arah mencapai matlamat agenda nasional yang telah sama-sama kita sasarkan itu, walau sebesar mana cita-cita berkenaan.

Beliau yang juga Tenaga Pengajar Elit Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) turut menyentuh isu paling penting iaitu pemain.

“Apapun yang dipamerkan oleh pemain kita, bermakna kitalah menjadi puncanya, iaitu

pemimpin, pegawai, penyokong dan pendukung termasuk penaja.

“Bukan pemain sahaja yang perlu disalahkan jika Harimau Malaya gagal, sebaliknya kita semua bertanggungjawab. Maka pemain perlu memperbaiki selain kita juga perlu berubah ke arah lebih baik dan positif,” katanya yang juga pemegang Diploma Kejurulatihan Profesional AFC.

Beliau berkata, jika dilihat prestasi pemain negara dengan Thailand atau Vietnam, ia boleh dikatakan lebih kurang sama.

“Bantuan daripada kerajaan dan pihak swasta juga sangat baik. Namun yang membezakan adalah sikap dan mentaliti yang ada pada pemain kita. Ia perlu ditingkatkan sentiasa dan liga kita sendiri perlu memberikan saingan yang sebenar untuk memupuk aspek sikap dan mentaliti ini supaya sentiasa berciri juara,” katanya.

Beliau turut melahirkan kepercayaan terhadap gandingan Peter Cklamovski selaku ketua jurulatih baharu skuad bola sepak kebangsaan; Robert Douglas Friend (Ketua Pegawai Eksekutif Harimau Malaya) dan Dr Craig Duncan sebagai Ketua Prestasi Tinggi dan Perubatan Sukan dalam merubah pencapaian Harimau Malaya.

Selaku tenaga pengajar Sains Kejurulatihan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), pihaknya melihat kehadiran Cklamovski, Robert Friend dan Duncan sebagai manifestasi



keseriusan pemimpin bola sepak negara untuk membawa kejayaan Harimau Malaya.

Kepada semua rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik kepada negara, nasihatnya cuma satu, beri kepercayaan dan menyokong usaha berkenaan tanpa berbelah bahagi.

Namun katanya, mereka yang dilantik itu perlu bertanggungjawab dan memahami pelaburan besar yang telah dibuat itu.

“Mereka semua sentiasa kena ingat kepada akauntabiliti dan ketelusan selain selalu bertanggungjawab terhadap apa jua prestasi Harimau Malaya di bawah kendalian mereka bagi memastikan ROI (*return of investment*) FAM dan duit rakyat berbaloi,” tegas beliau.

Bercakap mengenai pembangunan pelapis negara,

beliau melihatnya seperti tidak mencukupi bagi membangunkan bakat bertaraf juara.

Ini katanya, jelas dilihat mutakhir ini apabila tidak ada pasukan bawah umur daripada program pembangunan menjuarai apa-apa kejohanan.

“Cuba kita lihat seperti saranan pakar, pemain remaja perlu bermain sekurang-kurangnya 44 game bertaraf kompetitif setahun untuk mencapai 10,000 jam bagi tujuan menjadi pemain yang hebat dan bertaraf juara,” jelasnya.

Mengenai nasihat dan harapannya kepada Harimau Malaya, katanya, pasukan itu perlu membalas kepercayaan rakyat dengan membawa pulang banyak trofi bagi menutup segala keraguan dan skeptikal terhadap Harimau Malaya yang sudah terlalu lama dikaitkan dengan kegagalan yang berpanjangan. 🇲🇾

## RANKING HARIMAU MALAYA

Kedudukan terkini - 132  
(sehingga 19 Disember 2024)

Kedudukan terbaik - 75  
(direkodkan pada 8 Ogos 1993)

Kedudukan terburuk - 178  
(direkodkan pada 15 Mac 2018)

Purata kedudukan - 135

Lonjakan terbesar - 21 anak tangga

Kejatuhan terburuk - 23 anak tangga

# Kalah atau menang, kita tetap sokong

**PENYOKONG** fanatik Harimau Malaya, **Derrick Gan** memandang positif segala usaha dilakukan kerajaan termasuk Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bagi merevolusikan Harimau Malaya sehingga mencapai status pasukan bertaraf antarabangsa.

Beliau sebelum ini mencuri tumpuan lensa kamera selepas dirakam menangis kegembiraan ketika Harimau Malaya menjaringkan gol kedua dalam perlawanan menentang Korea Selatan di Stadium Al Janoub, Qatar pada aksi Piala Asia 2023.

Ketika itu, Malaysia memperlihatkan semangat juang tinggi apabila berjaya mengikat pasukan ketiga terbaik Asia itu dengan keputusan 3-3.

Tangisan Derrick mendapat perhatian ramai dan di sebaliknya turut tular kisahnya yang sanggup menjual motosikal kesayangan pada harga RM4,500 semata-mata untuk menyaksikan penampilan Harimau Malaya di Qatar.

Pemuda asal Melaka dan

mendapat julukan ‘abang rambut perang’ itu berkata, biarpun untuk melihat Harimau Malaya beraksi di pentas Piala Dunia mungkin masih jauh perjalanannya, ia tidak mustahil jika ada kesungguhan yang tinggi.

“Bagi saya, akar umbi adalah bahagian paling penting dalam pembangunan bola sepak. Tanpa bakat muda tempatan yang jelas, kita tidak akan mampu bersaing dengan persaingan di luar,” katanya.

Ditanya mengenai isu pemain dan turun naik nada penyokong terhadap Harimau Malaya, katanya, ia bergantung kepada pemain atau penyokong itu sendiri.

“Saya rasa, ini terpulung kepada pemain atau penyokong untuk menunjukkan bahawa mereka layak bermain atau menyokong negara kita. Pemain ada tugas untuk bermain dan penyokong ada tugas untuk memberi sokongan, jadi selagi mereka menjalankan tugas mereka, saya rasa itu sudah memadai,” jelasnya.

Derrick turut meminta semua pihak supaya memberikan peluang kepada mereka menjalankan tugas dalam merevolusikan Harimau Malaya termasuk dengan kehadiran tiga ‘mat saleh’ iaitu Peter Cklamovski, Robert Douglas Friend dan Dr Craig Duncan.

Perkiraan mudah, masa akan menentukannya, Rom tidak dibina dalam tempoh sehari.

Apapun yang dirancang untuk pasukan Harimau Malaya, baginya, biarlah mereka diberikan peluang untuk melaksanakan perancangan mereka.

Beliau juga memikirkan betapa pentingnya bakat-bakat muda dilatih dan dibangunkan sama seperti dilakukan oleh liga-liga antarabangsa lain.

Kepada Harimau Malaya, beliau menitipkan kata-kata semangat: “Semoga mereka dapat melakukan yang terbaik. Kita sebagai penyokong, kita sokong sebaik-baiknya, tak kira kalah atau menang”. 🇲🇾



DERRICK hadir menyokong Harimau Malaya di Doha 2023.

# Peluncur Senja LABUAN

AM HALIM


**P**ELUNCUR Ombak Senja di Labuan, Tarikan Pelancong Ke Arah Tahun Melawat Malaysia 'Visit Malaysia 2026'.

Labuan, sebagai satu-satunya negeri dalam Wilayah Persekutuan yang merupakan sebuah pulau yang terletak di perairan Laut China Selatan, aktiviti Sukan Ekstrem Papan Luncur Air (*surfing*) kini dilihat semakin diminati dan mulai popular dalam kalangan remaja.

Pemain papan luncur lebih cenderung untuk memilih laut yang mempunyai gelombang besar, tiupan angin yang kuat sekali gus menghasilkan ombak 'cantik' bagi menggerakkan papan luncur

dan pemainnya ke pesisir pantai.

Para penggemar sukan luncur air di pulau ini beruntung kerana mempunyai pantai dan gelombang ombak dari Laut China Selatan yang sesuai untuk aktiviti meluncur terutamanya pada musim Monsun Timur Laut iaitu sekitar bulan November hingga awal Mac setiap tahun.

Selain mempunyai pemandangan senja dan pantai yang indah, permainan sukan seumpama ini berpotensi sebagai salah satu tarikan baharu dan nilai tambah kepada industri serta menjana ekonomi pelancongan kepada Labuan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. 





Martabak Jawa MasBro popular di Labuan

# ADUNAN CITA RASA BORNEO

KHAIRUL IDIN

**B**UKAN sahaja terkenal di sebalik nama sebagai satu-satunya sebuah Wilayah Persekutuan yang merentasi Laut China Selatan yang menduduki carta antara negeri yang bahagia pada tahun 2024, bahkan Labuan turut dikenali sebagai syurga makanan laut segar.

Selain kaya makanan laut, Labuan turut memiliki beberapa makanan yang amat sinonim dengan selera penduduknya yang lebih ke arah cita rasa negara jiran iaitu Indonesia.

Antara makanan yang sering menjadi pilihan warga pulau ini baik untuk sarapan atau minum petang iaitu martabak.

Di Labuan, antara martabak yang mendapat sambutan hangat itu Martabak Jawa Mas Bro yang diusahakan oleh seorang pemuda, **Mohd Ehsan Mawardy, 32.**

Beliau yang mesra dengan panggilan Ehsan MasBro berkata, martabak yang dihasilkannya adalah berasaskan isi ayam dan daging yang ditambahkan sayur kobis sebagaimana digemari masyarakat Borneo.

Ujarnya, martabak di sekitar Labuan, Sabah dan Sarawak agak berbeza dari segi adunan campurannya berbanding di Semenanjung.

"Martabak Labuan ini sama seperti mana yang boleh didapati di daerah Borneo, namun apa yang membezakan adalah ramuan bahan, cara adunan tepung dan sebagainya.

"Sebelum saya mula berniaga sendiri pada umur 25 tahun, sejak

kecil lagi saya diajarkan dengan ilmu pembuatan martabak oleh orang tua saya yang juga peniaga martabak sebelum ini.

"Martabak yang saya hasilkan adalah mengikut bahan ramuan yang sama seperti mana yang digunakan peniaga lain, untuk martabak Jawa ini saya ada melakukan inovasi bagi menepati cita rasa warga di pulau ini.

"Apa yang boleh saya kongsi serba sedikit adalah dari segi kuah pencicah martabak itu sendiri. Kalau di Labuan, cita rasa di sini lebih kepada kuah kari berbanding kuah lain seperti bawang merah atau sebagainya," ujarnya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Bercerita lanjut, beliau mengakui tidak menang tangan kerana permintaan dan sambutan pelanggan amat tinggi setiap kali berniaga di tapak niaga seperti di

pasar malam dan festival-festival yang diadakan di sekitar Labuan.


"Alhamdulillah, selama berniaga martabak ini sambutan daripada warga Labuan amat luar biasa.

"Setiap kali berniaga, saya memerlukan sebanyak 15 kilogram (kg) tepung yang boleh menghasilkan ratusan biji martabak. Untuk isi ayam dan daging pula hampir 20kg sehari," ujarnya.

Ehsan bercerita, selama berniaga menu pemikat selera itu, dia masih mengekalkan harga lama iaitu RM4 setiap satu (ayam dan daging) kerana tidak mahu membebaskan pelanggannya.

"Tipulah jika tiada peningkatan kos bahan mentah tetapi saya masih cuba untuk bertahan dalam mengekalkan harga lama meskipun hanya mendapat sedikit keuntungan.

"Bagi saya sebagai seorang peniaga, selain mencari rezeki untuk keluarga saya juga harus membantu orang lain khususnya dalam aspek harga kerana saya tidak mahu membebakan mereka," ujarnya.

Beliau yang kini aktif berniaga di tapak-tapak program atau festival berharap pemerksaan golongan peniaga kecil perlu dipergiatkan lagi khususnya dalam penganjuran festival agar membuka peluang golongan peniaga mencari rezeki. 



## Kenali budaya menerusi hidangan

**SEBAGAI** sebuah negara berbilang bangsa, rakyat Malaysia bertuah kerana dapat saling menikmati makanan setiap kaum, baik Melayu, Cina, India dan lain-lain etnik yang tersedia pada sepanjang masa, tanpa perlu pergi jauh.

Namun begitu, ada juga hidangan jarang ditemukan kerana hanya terkenal dalam kalangan etnik tertentu selain disediakan semasa perayaan atau keraian khusus seperti 'Hakka Lei Cha' atau 'Thunder Tea Rice'.

Diperbuat daripada campuran daun teh dan herba yang dikisar dengan pelbagai jenis kacang, bijirin, sayur-sayuran serta nasi, hidangan ini popular dalam komuniti Cina Hakka dan lazimnya dihidangkan pada hari ketujuh Tahun Baharu Cina yang dikenali sebagai 'Hari Manusia' (Ren Ri) yang bermaksud 'hari kelahiran manusia'.

Hidangan tradisional ini dipercayai berusia lebih 2,000 tahun dan dicipta semasa Perang



**HAKKA Lei Cha merupakan makanan tradisional komuniti Cina Hakka.**

Tiga Negara yang berlangsung dari tahun 220 hingga 290, membabitkan tiga kerajaan Dinasti Qin pada masa itu.

Menurut legenda, hidangan itu disediakan oleh seorang tabib bagi

meningkatkan kekuatan dan tahap imuniti askar daripada sebuah kerajaan terbabit, yang jatuh sakit akibat wabak misteri.

Peredaran zaman serta cara pembuatannya yang agak rumit,

menjadi faktor makanan tradisional ini hanya ditemukan di restoran Cina Hakka.

Selain itu, hanya generasi tua sahaja yang mengetahui cara memasak hidangan ini, manakala golongan lebih muda kurang berminat untuk belajar.

Justeru, terdetik di hati pasangan muda James Wong Ing Chieng, 29 dan Jenny Yeo Sze Ying, 28, untuk menyertakan Hakka Lei Cha dalam menu perniagaan berkonsep 'home-cooked delivery' mereka ketika penularan pandemik pada 2021.

"Dahulu, Hakka Lei Cha ada dijual di gerai makan atau di medan selera tetapi secara bermusim dan sangat terhad kerana kerumitan dalam menyediakan bahan-bahan masakan seperti perlu dicincang halus dan memerlukan tenaga kerja yang ramai.

"Tambahan pula, golongan yang mahir menyediakan hidangan ini kebanyakannya warga emas dan mereka juga

tidak menurunkan resipi tersebut kepada golongan muda. Oleh itu, kami buat keputusan untuk memperkenalkan semula hidangan ini dengan menyasarkan golongan muda selain memperluas pelanggan merentasi semua kaum," katanya.

Bercerita lanjut, Wong berkata, nama restoran mereka iaitu Jamboo juga diinspirasi daripada pokok jambu yang dahannya digunakan bagi mengisar daun teh sebelum dijadikan sup asas hidangan Hakka Lei Cha.

"Dari segi tradisi, penyediaan Hakka Lei Cha menggunakan dahan daripada pokok jambu secara sepenuhnya untuk mengisar bahan-bahan di dalam sebuah mangkuk bulat yang dinamakan 'Lei Bo'.

"Sebab itulah Hakka Lei Cha yang disediakan secara tradisional mempunyai rasa jambu dalam sup tehnya bagi menaikkan aroma dan menjadikannya lebih sedap," katanya. - **BERNAMA**



**YANG di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (D.K.1) kepada Presiden Republik Indonesia, Prabowo Subianto, disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Negara pada Isnin.**



**PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang juga disebut sebagai Festival Musim Bunga di China, mencatat sejarah tersendiri tatkala Malaysia dipilih sebagai lokasi pertama di luar China.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat daripada delegasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dalam usaha memperkukuhkan dan memperkasakan koperasi di Kuala Lumpur dan Putrajaya.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyampaikan sumbangan sebanyak RM925,000 bagi naik taraf Masjid Maqbul, perkasa pendidikan agama dan bantuan asnaf di Kampung Pulau Mabul, Sabah dalam Program Santuni Komuniti Madani baru-baru ini.**



**ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Perasmian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di Desa Tun Razak. Hadir sama Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.**



**MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengadakan pertemuan bersama Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Dr Budi Santoso, bagi memperdalam hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.**

Jadikan bidang kewartawanan lebih segar

# AI BANTU MEDIA BERDAYA SAING

METRA SYAHRIL MOHAMED

**K**ETIKA ini di mana-mana sahaja, dalam apa jua sektor mahupun industri, ramai yang memperkatakan mengenai teknologi kecerdasan buatan (AI). Ia merujuk kepada kemampuan teknologi melaksanakan tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia.

Ramai pemikir menyebut, AI berpotensi mengubah cara bekerja, belajar dan hidup. Tak kurang, ada juga yang melahirkan kebimbangan bahawa AI akan 'mencuri' kerja manusia terutama dalam sektor dan industri.

Begitu juga industri media apabila ada agensi media kini mula menggunakan AI terutama dalam pembikinan jalan cerita, suntingan video malah suara latar, yang dahulunya semua dilakukan oleh pemberita, wartawan penyiaran atau editor.

Begitulah yang diketengahkan oleh Malaysian Press Institute (MPI) ketika kunjungan Wilayahku di ibu pejabat institut itu di Cyberjaya baru-baru ini.

Presiden MPI, **Datuk Yong Soo**

**Heong** menekankan bahawa industri media perlu berubah dan usah takut dengan 'ancaman' AI.

Malah katanya MPI sendiri sudah berubah dengan adanya AI dan kini bersedia menjadi tenaga pengajar kepada mana-mana agensi media untuk

menerapkan teknologi berkenaan dalam tugas harian mereka.

Beliau merujuk beberapa agensi media yang sudah mula bermain dengan AI dalam pelaporan berita mereka terutama pembikinan infografik ketika berlakunya sesuatu bencana.

Jalan cerita yang ditampilkan nampak lebih segar dan mampu menarik perhatian penonton atau pembaca.

Menariknya jelas beliau, AI memudahkan wartawan untuk

membuat sesuatu penyelidikan selain mencari fakta dan data dengan lebih pantas berbanding bergantung kepada teknologi ketika ini termasuk amalan tradisional iaitu ke perpustakaan.

Bagaimanapun katanya, di sebalik kemajuan teknologi semasa, etika kewartawanan sedia ada perlu dipegang dan dijadikan panduan utama dalam bekerja di industri media.

"Wartawan (masa kini) kena jadi lebih mahir. Dengan adanya AI, ia adalah perpustakaan dunia. Notion AI sekarang ini lebih lengkap. Bagaimana buat *presentation* lebih menyeluruh," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MPI, **Ainol Amriz Ismail** berkata, AI bukanlah ancaman ke pada industri media kerana keupayaan manusia masih diperlukan.

"Apa sahaja teknologi yang ada, *human* (tenaga manusia) itu perlu ada di belakangnya," tegas beliau.

Terbaharu katanya, MPI turut mengajar mengenai OSINT atau *open-source intelligence* yang mampu meningkatkan kecekapan agensi media dalam aspek pemberitaan lebih canggih dan menyeluruh.

OSINT merujuk kepada proses mengumpul, menganalisis dan menilai maklumat yang tersedia secara terbuka dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja.

Maklumat ini boleh diperolehi daripada pelbagai sumber terbuka dan banyak digunakan dalam pelbagai bidang seperti keselamatan siber, perisikan, penyiasatan dan penyelidikan pasaran.

"Media massa ketika ini sudah tidak boleh lagi bergantung kepada pemberitaan secara tradisional, kena ada di belakangnya iaitu teknologi AI supaya

persembahan pemberitaan lebih menarik," jelas Ainol Amriz.

## MPI PUSAT PENULISAN JURNAL

DALAM pada itu, Ainol Amriz berkata, MPI kini mengorak langkah untuk menjadi pusat intelektual yang lebih besar dengan menggerakkan usaha sebagai pusat penulisan jurnal selain bertindak selaku *media house*.

MPI menurutnya bekerjasama rapat dengan beberapa universiti dalam aspek penerbitan jurnal yang memberi peluang kepada wartawan membuat penulisan akademik.

Namun sebelumnya mereka perlu menjalani kursus dan mematuhi beberapa syarat ditetapkan nanti.

"Kami mahu golongan wartawan menulis dalam jurnal tersebut. Inilah peranan baharu MPI yang bukan setakat tempat untuk bersembang semata-mata tetapi kita nak meletakkan satu standard, level pemikir yang berbeza.


"Setiap universiti memang ada jurnal komunikasi tetapi ini jurnal khusus kewartawanan. Jadi silalah menulis tetapi kena buat juga penyelidikan," katanya.

Cita-cita baharu itu bakal meletakkan MPI di standard dan peranan yang berbeza berbanding sebelum ini yang hanya dikenali sebagai pengendali Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM).

Selain itu, MPI juga bakal melaksanakan projek baharu Anugerah Kewartawanan IPT bagi mengiktiraf bakat-bakat muda yang masih lagi di bangku universiti, sebelum mereka menamatkan pengajian dan memasuki alam pekerjaan.

"Kami sudah bagi banyak sesi penerangan dan forum mengenainya. Kami mahu bakat-bakat muda ini turut didedahkan dengan anugerah tersebut di samping mewujudkan daya saing dalam penulisan," katanya.

Terdahulu HKM MPI-Petronas 2024 menawarkan 23 kategori yang dipertandingkan bagi pelbagai golongan karyawan media untuk menampilkan karya terbaik yang telah diterbitkan di pelbagai platform media.

Ia pastinya dinantikan golongan media bagi menaikkan rating mereka dalam industri ini. 



YONG SOO HEONG



AINOL





# TITIK TEMU SEBUAH WILAYAH

**KU SEMAN KU HUSSAIN**

**T**IGA hari lalu ketika menikmati senja yang berbaki dari atas jambatan di belakang Bangunan Sultan Abdul Samad dan Bangunan Loke Yew, begitu indahnya Sungai Kelang yang mengalir lesu membelah Kuala Lumpur. Lampu berwarna-warni di tebing mulai menyala dan Masjid Jamek yang putih bertukar jingga dipancar matahari senja.



PENULIS BEBAS

Burung-burung riuh berebut ranting dan dahan untuk bermalam, sama riuhnya manusia yang hilir mudik untuk pulang ke kediaman. Deru kereta yang tidak pernah berhenti di kota metropolitan itu mengingatkan saya pada sejarah awal yang pernah dibaca – awalnya pekan kecil lombong bijih timah.

Petempatan awal masyarakat Mandailing yang mengusahakan lombong boleh dilihat dengan berdirinya Masjid Jamek di tebing Sungai Kelang. Petempatan pelombong dari China ditandai dengan berdirinya Central Market, sebuah pasar basah yang dibuka pada 1888, juga di tebing Sungai Kelang.

Seperti disuratkan dalam banyak buku sejarah, titik temu antara anak Sungai Gombak dengan induknya Sungai Kelang itu bermulanya Kuala Lumpur.

Sungai Kelang menjadi 'lebuh raya' pengangkutan utama membawa hasil bijih timah ke pangkalan di Kuala Selangor. Penjajah British menjarah hasil bumi itu dan dibawa pulang ke England.

Di depan tempat saya berdiri senja itu adalah titik mula lahirnya Kuala Lumpur, sebuah bandar raya metropolitan yang juga ibu negara yang membesar menjadi sebuah wilayah – Wilayah Persekutuan.

Bermula 1 Februari 1974 Kuala Lumpur bukan sahaja ibu negara sebuah wilayah dalam Wilayah Persekutuan yang baru diwujudkan. Pentadbiran Kuala Lumpur juga ikut berubah, daripada ditadbir oleh kerajaan negeri Selangor pada Persekutuan sekali


**PEMANDANGAN** indah Masjid Jamek di pertemuan Sungai Kelang dan Gombak.

gus melonjakkan Kuala Lumpur sebagai kota ekonomi dan perdagangan yang penting.

Esok (1 Februari) adalah ulang tahun ke-51 Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan. Dari sebuah pekan lombong yang kecil, Kuala Lumpur berkembang pesat menjadi kota metropolitan yang terkenal di rantau ini.

Sejak menjadi sebagai pusat ekonomi dan perdagangan negara, Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang penting di Asia Tenggara. Banyak syarikat dan organisasi korporat antarabangsa menubuhkan pejabat serantau mereka di Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur juga banyak menyimpan sejarah penting negara, misalnya detik-detik turunnya bendera Union Jack pada pukul 12.01 malam 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor. Padang yang bersejarah itu kemudian dinaik taraf dan dikenali sebagai Dataran Merdeka pada 1992.

Jalan Raja memisahkan Dataran Merdeka dengan Bangunan Sultan Abdul Samad, sebuah pejabat pentadbiran British di Selangor. Selain bangunan itu, ada beberapa bangunan lain seperti Perpustakaan Kuala Lumpur dan Muzium Tekstil asalnya pejabat

pentadbiran British.

Semua bangunan itu didirikan pada zaman penjajahan British akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 sebagai pusat pentadbiran di Selangor. Bangunan-bangunan yang berusia sekitar satu abad itu kini menjadi antara tarikan pelancong ke Kuala Lumpur.

Bangunan Sultan Abdul Samad dan Perpustakaan Kuala Lumpur misalnya, luar biasa seni bina dengan kubah-kubahnya.

Walaupun menjadi Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur berdiri sebagai kota metropolitan yang pesat membangun, tanggungjawab memelihara warisan sejarah tidak diabaikan.

Ketika saya menjejak kaki ke Kuala Lumpur pada 1984, Kuala Lumpur baru 10 tahun menjadi Wilayah Persekutuan. Maka saya berpeluang melihat sendiri kemajuan dan perubahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan selama empat dekad selepas itu.

Ketika itu bangunan tertinggi adalah Menara Maybank tidak jauh dari Puduraya. Seni bina yang berkonsepkan keris itu direka arkitek tersohor, Hijjas Kasturi. Menara Maybank menjadi ikonik Kuala Lumpur yang menonjolkan seni bina bercirikan tempatan selain Menara Dayabumi dan Menara Tabung Haji.

Bagaimanapun lebih kurang empat dekad kemudian, muka bumi Kuala Lumpur sudah penuh dengan bangunan komersial yang tingginya menyapu awan. Bangunan yang dulunya tertinggi menjadi rendah apabila berdirinya Menara Kembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur di atas Bukit Nenas.

Daripada pengangkutan awam seperti bas dan bas mini, kini warga kota bergerak dengan sistem pengangkutan moden seperti MRT, LRT, komuter dan ERL yang menghubungkan bandar raya dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Di sebalik hal-hal yang pembangunan prasarana bersifat kebendaan, Kuala Lumpur juga tidak tersisih daripada berperanan sebagai sebuah kota atau wilayah penting yang mengangkat gagasan peradaban. Digerakkan sebagai sebuah kota yang mendukung tradisi ilmu dan keilmuan pada tahap yang tinggi.

Beberapa institusi pendidikan tinggi yang berada di Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya di Lembah Kelang menyumbang pada pembangunan peradaban dan keilmuan di negara ini.

Misalnya Universiti Malaya, Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak yang bersempadankan Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang idea asalnya daripada gagasan ilmuwan dan negarawan di Bangi sejak lebih setengah abad lalu.

Tidak dilupakan juga Universiti Putra Malaysia (dulunya Universiti Pertanian Malaysia - UPM) di Serdang bersempadan Kuala Lumpur yang mendukung gagasan mengindustrikan bidang pertanian. Hingga kini pertanian tetap menjadi teras UPM.

Pada 1984 Labuan di Sabah pula dinaikkan taraf menjadi Wilayah Persekutuan yang kedua. Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan (sebenarnya Laut Melayu atau Laut Champa) dirapatkan dengan Semenanjung melalui Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada 2000 Putrajaya yang menjadi pusat pentadbiran Persekutuan baharu menjadi Wilayah Persekutuan ketiga sekali gus memperkukuhkan lagi kedudukan kewilayahan di negara ini.

Putrajaya menjadi sebuah wilayah yang memberikan pengalaman rohani yang amat mempesona. Gabungan tanah dan air dengan tasik buatan yang luas membuatkan pengunjung seolah-olah berada di tepi pantai. Landskap taman yang mencorakkan Putrajaya adalah keunikan dalam hubungan antara manusia dengan alam.

Tentu banyak yang tidak menyangka sebelum dekad 1990-an, tapak Putrajaya itu adalah estet getah bernama Prang Besar. Waktu itu Prang Besar dianggap tersorok jauh di pedalaman walaupun hakikatnya hanya berjarak 40 kilometer sahaja dari Kuala Lumpur.


Kedaifan jalan pengangkutan membuatkan Prang Besar dirasakan terlalu jauh. Tidak banyak pergerakan rentas daerah antara Prang Besar dengan bandar-bandar lain kecuali pekan Dengkil. Itulah pusat komersial terbesar bagi warga Prang Besar.

Hari ini selepas 51 tahun Kuala Lumpur, 41 tahun Labuan dan 25 tahun Putrajaya menjadi Wilayah Persekutuan yang ditadbir oleh kerajaan Persekutuan, ternyata gagasan mewujudkan Wilayah Persekutuan amat tepat. Tiga wilayah itu memperkukuhkan kewilayahan sekali gus menyumbangkan pada pembangunan secara lebih terancang.

**SETIAP** artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

## RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:  
**Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**  
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)

# PM SENTIASA MELAJU KE DEPAN

ZULKIFLI SULONG

**K**ETIKA berforum di World Economic Forum di Davos, Switzerland baru-baru ini, pengasas Grameen Bank, Bangladesh yang menjadi pelopor pemberi pinjaman kecil (mikrokredit) negara itu, Profesor Muhammad Yunus menyebut tentang Anwar Ibrahim.

Menurut Profesor Yunus yang mendapat Hadiah Nobel kerana projek Grameen Bank di Bangladesh, Anwar adalah antara pihak yang menghubungi beliau untuk membuat projek yang sama di Malaysia.

Anwar berbuat demikian untuk Projek Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang juga memberikan pinjaman kecil untuk usahawan kecil di negara ini.

Profesor Yunus dipilih untuk memimpin pemerintahan sementara Bangladesh, selepas mantan Perdana Menteri, Sheikh Hasina yang sudah lama memerintah negara itu, meletak jawatan dan melarikan diri.

Sebelum itu, Sheikh Hasina berdepan pemberontakan terhadap pemerintahannya.

Dikenali sebagai 'jurubank kepada golongan paling miskin' dan pengkritik Sheikh Hasina yang digulingkan, Profesor Yunus menjalankan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri sementara sehingga pilihan raya baharu diadakan.

Profesor Yunus yang mengetuai pemerintah sementara Bangladesh telah menyifatkan peletakan jawatan Hasina sebagai 'hari kemerdekaan kedua' negara itu.

Sebagai seorang pakar ekonomi dan jurubank, Profesor Yunus dianugerahkan Hadiah Nobel pada 2006 kerana menggunakan kredit mikro untuk membantu golongan miskin, khususnya wanita.

Bagi Pengarah Eksekutif, Institut Darul Ehsan (IDE) Research Centre, Amidi Abdul Manan, kenyataan yang dikeluarkan oleh Profesor Yunus di World Economic Forum, Davos itu merupakan satu bukti hidup betapa komitednya Anwar dalam mengangkat martabat kumpulan rentan miskin di Malaysia.

Lebih awal dari itu lagi, pada tahun 1974, Anwar selaku pemimpin mahasiswa bergerak ke Baling, berdemonstrasi membela nasib pekebun kecil getah yang miskin, terhimpit kerana kejatuhan harga getah ketika itu.

Anwar ketika menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1987, telah mengarahkan USM



ANWAR bersama Muhammad Yunus pada sesi lawatan di Dhaka, Bangladesh pada Oktober tahun lalu.

(pada ketika itu IPTA berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia - KPM) untuk melakukan kajian berkaitan kesesuaian konsep Bank Grameen ini.

Kajian ini diketuai oleh Profesor Dr Shukor Kassim dan Dr Gibbon yang akhirnya membawa kepada penubuhan AIM.

Kata Amidi, jika ditelusuri lagi, kita akan bertemu perjuangan Anwar dalam membela golongan miskin ini ketika beliau sebagai Menteri Pertanian.

Beliau menggerakkan aktiviti Pasar Tani, yang bertujuan memerangi penindasan orang tengah terhadap golongan petani miskin di luar bandar. Ini berlaku pada tahun 1985.

Sebab itu pada 2022 dalam buku Membangun Negara MADANI, beliau memberikan takrifan beliau sendiri berkaitan IHSAN iaitu:

"...perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubahnya...."

"Kini beliau berperang dengan kartel dalam pelbagai bentuk. Beliau bertungkus-lumus menyusun kembali ekonomi yang telah dirosakkan oleh para penindas rakyat," kata Amidi.

Ketika Malaysia MADANI dilancarkan, ramai tidak faham apa maksud perkataan itu dan

apa yang cuba dibawa oleh Anwar melaluinya.

Ketika itulah dilancarkan buku Membangun Malaysia MADANI - Visi dan Kerangka Dasar Reformasi.

Oleh kerana buku ini diterbitkan oleh IDE, saya ke pejabat IDE di Shah Alam untuk bertanya penerbit buku ini sendiri tentang Malaysia MADANI.

Ini kerana, ketika itu ramai yang tertanya-tanya, apa maksud Malaysia MADANI. Saya dan rakan-rakan disambut oleh Tok Abah atau Datuk Dr Ismail Yusof, orang kanan Profesor Dr Ridwan Othman, yang mengetuai IDE itu.

"Kami sudah bahas isu MADANI sejak puluhan tahun lalu lagi. Jadi sekarang bukan masa untuk membahaskan konsep ini tetapi untuk melaksanakannya," kata Tok Abah.

Tok Abah baru sahaja dilantik sebagai Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-Kom) baru-baru ini.

Tok Abah berkata demikian ketika saya meminta beliau menjelaskan isu MADANI yang saya akui tidak memahaminya dengan baik apabila ia mula dilancarkan selepas Anwar dilantik menjadi Perdana Menteri.

Kini Amidi, juga dari IDE Research Centre menjelaskan lagi tentang apa yang sedang dilakukan Anwar sekarang.

"Maka benarlah apa yang pernah diungkapkan bahawa nukilan beliau

dalam buku Membangun Negara MADANI bahawasanya:

"Kerangka MADANI merupakan kemuncak kepada pengalaman selama empat dekad dalam perkhidmatan awam dan belasan tahun yang dihabiskan bagi memikirkan tentang negara ini dan masa hadapannya.

"MADANI bukan slogan tetapi adalah satu terjemahan taat setia dan kasih sayang seorang pejuang terhadap negaranya, Malaysia," kata Amidi dalam kenyataan medianya.

Dari situ fahamlah kita bahawa apa yang dilakukan Anwar sekarang sudah dirancang dan dimulakan sejak empat dekad yang lalu lagi. Bukan sahaja di dalam negara bahkan juga di luar negara.

Sebab itu, Anwar dilihat sangat jauh ke depan berbanding rakan-rakannya hatta dalam kabinetnya sendiri. Beliau dikatakan terlalu jauh ke depan.

Namun untuk jauh ke depan, Anwar bukan setakat bekerja siang dan malam, Anwar sentiasa berlari untuk melaksanakan tugasnya. Sebab itu beliau dilihat jauh ke depan dan bakal membawa Malaysia jauh ke depan juga.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## Wilayah maju dan makmur



## Pupuk perpaduan, harmoni

**SABTU**, 1 Februari 2025 sekali lagi Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya menyambut Hari Wilayah.

Kuala Lumpur diisytihar pada 1 Februari 1974, Labuan pada 16 April 1984 manakala wilayah 'bongsu' Putrajaya diwartakan sebagai WP pada 16 Disember 2000. Ini bermakna tahun ini WP Kuala Lumpur berusia 51 tahun, Labuan 41 tahun dan Putrajaya 25 tahun.

Sejak ditubuhkan, ketiga-tiga wilayah terus bergerak maju meniti arus pembangunan. Kuala Lumpur terkenal sebagai ibu negara serta pusat kewangan dan ekonomi. Kuala Lumpur juga jadi

tumpuan penduduk luar yang datang untuk mencari rezeki. Lebih banyak peluang pekerjaan tersedia sejajar dengan kedudukan sebagai pusat ekonomi. Tidak sukar mencari kerja asal tidak terlalu memilih.

Labuan pula dikenali sebagai pusat kewangan pesisir pantai, selain pusat pelancongan, khususnya pelancongan marin yang menjadi tumpuan pelancong. Putrajaya pula gah sebagai pusat pentadbiran Persekutuan.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ketiga-tiga WP akan terus maju, penduduk makmur. Sayangilah WP. Selamat Hari Wilayah.

**DALAM** kerian menyambut Hari Wilayah, usah lupa aspek perpaduan bagi menjamin kemakmuran warga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sementara aspek pembangunan fizikal penting, sikap jati diri serta perpaduan kukuh dalam kalangan warga ketiga-tiga wilayah sangat perlu. Ia bagai tali pengikat memastikan hubungan baik warga wilayah.

Kerana itu kesepakatan dan semangat kerjasama perlu diterap dan diamalkan serta sentiasa dipertahan. Perpaduan dan keharmonian sukar dicapai jika ahli masyarakat tidak saling menyayangi dan

bertoleransi.

Perkara ini pernah ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sambutan Hari Wilayah tahun lalu. Beliau mahu penduduk di ketiga-tiga wilayah menyemai benih perpaduan serta menghindari unsur-unsur kebencian.

Peringatan ini wajar disimpan dalam minda seluruh warga Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sentiasa berkasih sayang dan pupuk ikatan erat.

Semangat ini bertepatan dengan konsep MADANI yang menjadi slogan kerajaan. Rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

# ANWAR, LONDON DAN ABIM

DR MOHAMED HADI ABD HAMID

**KUNJUNGAN** lima hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke kota London dari 15 hingga 19 Januari lalu meninggalkan impak positif yang pelbagai terutama dalam membawa misi pelaburan untuk Malaysia. Ini merupakan kunjungan

rasminya pertama Anwar ke United Kingdom (UK) selepas dua tahun memikul amanah sebagai Perdana Menteri.

Selain kunjungan hormat bertemu rakan sejawatnya di UK, Keir Starmer, Anwar antara lain turut bertemu para pelabur, melawat Battersea Power Station milik konsortium Malaysia, menyampaikan syarahan di London School of Economics (LSE), menyertai solat Jumaat di Masjid East

London dan bertemu diaspora Malaysia di UK.

Dalam pertemuan dengan Keir Starmer, Anwar tidak lupa membawa agenda rakyat Gaza dan Palestin. Malah ketika menyampaikan ucapan kepada pelabur berpotensi pun Anwar tetap menitipkan ingatan beliau terhadap nasib umat Islam di Gaza dan Palestin, begitu juga sewaktu menyampaikan ucapan ringkas di Masjid East London.

Lawatan rasmi Anwar ke kota London tidak hanya signifikan dalam membawa misi negara. Lebih istimewa, London sebenarnya kota bersejarah yang mengimbau nostalgia pakatan di antara dua sahabat sejati untuk menubuhkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Idea penubuhan ABIM sebenarnya teretus di kota London, kira-kira 55 tahun lalu. Kisah ini terakam dalam autobiografi Allahyarham Ustaz Dr Razali Nawawi berjudul 'Erti Kehidupan' yang diterbitkan pada tahun 2021.

'Langkah London' bermula pada Jun 1969 sewaktu Anwar berkunjung ke kota itu dalam rangka lawatannya ke bumi Eropah selaku Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Setelah selesai menghadiri satu persidangan World Assembly of Youth di Liege, Belgium, Anwar singgah di London dan menetap di rumah Ustaz Razali di No. 2, Rita Road, London.



**PERSAHABATAN** yang terjalin antara Anwar dan Almarhum Razali Nawawi lebih 50 tahun memberikan impak yang besar kepada perkembangan Islam.

Ketika ini, Anwar merupakan mahasiswa tahun dua di Universiti Malaya, manakala Ustaz Razali lulusan Universiti Al-Azhar yang sedang menyambung pengajian di UK di bawah biasiswa kerajaan negeri Kelantan. Ustaz Razali melanjutkan pengajian diploma pasca siswazah di School of Oriental and African Study (SOAS), University of London. Dalam masa yang sama, beliau merupakan Presiden Malaysian Islamic Study Group of United Kingdom (MISG).

Di kota Londonlah kali pertama dua pemuda bersemangat waja ini bertemu dan seterusnya menjalinkan persahabatan akrab yang merentas lebih lima dekad lamanya.

Ustaz Razali telah membawa Anwar bersiar-siar di kota London, melawat Trafalgar Square, Big Ben, British Museum, British

Library, Hyde Park dan tempat-tempat tarikan pelancong termasuk LSE yang bersejarah, tempat Anwar menyampaikan syarahannya pada 17 Januari lalu.

Anwar pernah mengimbau kenangan dibawa bersiar-siar di London oleh Ustaz Razali dan saudara Wan Ismail Wan Ibrahim (bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan) di waktu siang, layanan yang diberikan kepada Anwar selaku tetamu cukup mesra sekali. Namun di sebelah malamnya Anwar mendedahkan yang beliau diasak bertalu-talu oleh Ustaz Razali dengan pelbagai persoalan. Anwar dapat mengesan yang soalan-soalan ini sebenarnya ingin menguji komitmen dan kesungguhan Anwar dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan ummah.

Sewaktu di kota London juga mereka berbincang, apa yang perlu dilakukan selepas mereka tamat pengajian nanti. "What's next?", dalam keadaan Malaysia baru saja berdepan suasana gawat dan getir selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Mereka bersepakat mewujudkan satu pertubuhan yang boleh menjadi wadah kepada golongan muda di Malaysia untuk memperjuangkan Islam dengan lebih teratur dan berorganisasi.

Kerja-kerja awal penubuhan ABIM pun dimulakan sebaik sahaja Anwar pulang ke tanah air, namun pendaftaran ABIM tertangguh sehinggalah Ustaz Razali pulang ke tanah air pada November 1971. Pendaftaran ABIM mengambil masa agak lama kerana Pendaftar Pertubuhan (Registrar of Society - ROS) telah menghantar permohonan ABIM untuk menggunakan nama 'Islam' ke Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Hanya pada Ogos 1972 barulah pendaftaran ABIM diluluskan oleh ROS.

Ustaz Razali dilantik menjadi Presiden ABIM pertama pada 14 Februari 1973 dan Anwar menjadi Setiausaha Agung. Anwar mengambil alih jawatan sebagai Presiden ABIM kedua pada tahun 1974.

Selebihnya adalah sejarah, bermula dengan langkah London yang penuh aspirasi. Mereka berdua kekal sebagai pasangan pemimpin yang memiliki gandingan mantap, sehingga ke akhir hayat Ustaz Razali. Sewaktu Anwar diuji dengan hebatnya terutama selepas tercetusnya gerakan reformasi, Ustaz Razali setia menyokong perjuangan Anwar. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Anwar, "Ustaz Razali sentiasa ada dalam liku-liku hidup saya."

ABIM pula sehingga hari ini kekal sebagai 'a force to be reckoned with' di persada tanah air sebagai gerakan dakwah dan massa. ABIM juga telah melahirkan ramai pemimpin di pelbagai peringkat, baik negeri mahupun antarabangsa.

Kunjungan Perdana Menteri ke UK mengimbau semula titik awal perjuangan Anwar melalui ABIM bersama-sama sahabat sejawatnya. Pada zaman Malaysia MADANI, kesungguhan anak muda begitu penting dan kritikal dalam membawa perubahan untuk mencapai Malaysia yang progresif. Anak muda wajar menekuni contoh gandingan Anwar Ibrahim dan Razali Nawawi yang penuh inspirasi. Anwar dari latar belakang pengajian sekolah Inggeris manakala Razali dari latar belakang pengajian sekolah Arab. Meski datang dari latar belakang pendidikan berbeza, namun kerana idealisme perjuangan mereka teguh berganding demi kepentingan ummah selama puluhan tahun. Kecekalan perjuangan Anwar wajar menjadi rujukan generasi sekarang, bagaimana seseorang pemimpin itu konsisten dan tidak tersasar dari landasan perjuangannya.

Nota: Ustaz Dr Razali Nawawi, mantan dekan dan profesor di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia meninggal dunia pada 18 Mei 2023.

**SETIAP** artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



FELO ELIT DI JABATAN KEWANGAN, FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI, UNIVERSITI MALAYA



Hala tuju pembangunan sepanjang 2025

# PL FOKUS C.H.A.S.E CITY

KHAIRUL IDIN

**P**ERBADANAN Labuan (PL) memfokuskan pelaksanaan visi C.H.A.S.E City sebagai hala tuju 2025 bagi memperkukuhkan serta memacu pembangunan Labuan sebagai sebuah pulau yang lebih berdaya saing.

Visi yang diilhamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa itu dilihat sebagai satu pendekatan baharu yang merangkumi keperluan holistik dalam membina sebuah bandar moden, berdaya huni dan mampan khususnya kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Mohd Sukuran Taib**, bagi mencapai visi itu, pihaknya

telah menggariskan beberapa aktiviti, program dan cadangan projek yang bakal dilaksanakan pada tahun 2025 berteraskan lima C.H.A.S.E City iaitu bandar yang bersih, sihat, maju, selamat dan mesra alam.

Katanya, menerusi elemen 'Bersih', PL telah meningkatkan penetapan syarat kebersihan premis makanan dengan penggredan A dan B.

"Bagi penilaian kebersihan premis makanan bagi tahun 2024, sebanyak 97 premis di Labuan memperoleh gred A manakala 103

premis atau 51.5 peratus mendapat gred B.

"Selain itu, melaksanakan penetapan syarat kebersihan yang telah ditetapkan termasuk tandas premis, dapur, perangkap minyak dan sisa makanan serta siar kaki kepada premis makanan sebelum memperbaharui lesen perniagaan 2025.

"Selain itu, PL melantik kontraktor penyelenggaraan kebersihan termasuk di kawasan awam, perumahan dan pantai. Mereka merupakan ejen PL

untuk memastikan kebersihan di Labuan terjaga serta terjamin.

Bagi merealisasikan elemen 'Bandar Maju', beliau memaklumkan pihaknya telah menerima peruntukan sejumlah RM5 juta pada tahun ini.


"Dengan peruntukan tersebut, ia akan digunakan bagi memperkemaskan sistem tadbir urus dan pembangunan di Labuan yang menjadi elemen penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan," katanya.

Tambahnya, bagi mencapai teras Labuan sebagai sebuah bandar mesra alam, Sukuran berkata pihaknya telah membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi pembangunan

cadangan baharu di Labuan.

"Antara cadangan pembangunan yang sedang dirancang iaitu cadangan pembinaan 'river front' dan cadangan lain di kawasan pembangunan baharu yang kami akan bangun bagi memastikan Labuan mempunyai lokasi ikonik.

"Manakala bagi mencapai teras Labuan sebagai sebuah pulau mesra alam, kami telah memohon peruntukan bagi membangunkan cadangan 'river front' di Labuan.

"Kami menetapkan bahawa pelaksanaan visi C.H.A.S.E City sebagai hala tuju PL dalam membangunkan Labuan sebagai sebuah pulau Wilayah Persekutuan yang mampan dan berdaya huni," katanya. 



SUKURAN



RAFI (tengah) bersama masyarakat Tionghua pada Program Santunan Kasih Tahun Baru Cina anjuran KEMAS.

## Warga pulau diseru jaga hubungan sedia ada

**W**ARGA pulau yang terdiri daripada berbilang kaum diseru untuk terus mengekalkan perpaduan serta mempertahankan keharmonian sedia ada.

Menurut Pengerusi Penasihat GIATMARA Labuan, **Datuk Mohd Rafi Ali Hassan**, semua pihak perlu mengekalkan semangat perpaduan sedia terjalin di samping terus meraikan dan menghargai titik persamaan yang ada dalam kepelbagaian budaya, agama dan adat resam sekali gus dapat mengukuhkan semangat perpaduan negara.

"Kita perlu terus eratkan perpaduan dan keharmonian kita, sama-sama raikan kepelbagaian

perayaan kaum termasuk Tahun Baharu Cina," katanya.


Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar bersama masyarakat Tionghua sempena Santunan Kasih Tahun Baharu Cina di Balai Raya Sungai Keling anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS,) Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama Pegawai KEMAS Labuan, Gilbert Julian dan Ketua Kampung Sungai Keling, Goh Siew Ling.

Dalam pada itu, Mohd Rafi turut menzahirkan ucapan tahniah kepada masyarakat Tionghua Kampung Sungai

Keling yang sentiasa komited dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan oleh Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Gilbert pula menegaskan, penganjuran Program Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar itu untuk memperkukuhkan daya saing kebolehpayaan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

"Program ini juga bukan hanya sekadar inisiatif tahunan tetapi adalah platform penting untuk membawa perubahan positif kepada masyarakat luar bandar," katanya. 

## KPDN Labuan periksa 13,236 premis

**SEJUMLAH** 13,236 pemeriksaan dilaksanakan Kementerian Perdagangan dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan membabitkan premis perniagaan di seluruh pulau ini sepanjang tahun lalu.

Menurut Pengarah KPDN Labuan, **Junaidah Arbain**, daripada jumlah keseluruhan pemeriksaan yang telah dilaksanakan, sebanyak 268 premis diperiksa menerusi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Katanya, menerusi pemeriksaan yang dilaksanakan pada SHMMP, pihaknya telah mengambil tindakan kes terhadap tiga peniaga pada tahun 2024.


"Penguatkuasaan secara berhemah turut dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran kepada peniaga agar sentiasa mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

"KPDN juga memperingati kepada para peniaga agar sentiasa mengamalkan etika

peniagaan yang baik seperti tidak menyorok dan menyeleweng barang kawalan bersubsidi serta menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sesuka hati. Ini bagi mengelakkan tindakan undang-undang dikenakan ke atas mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina 2025 peringkat Labuan, baru-baru ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek.

Pada majlis itu, Simsudin diiringi anggota KPDN Labuan turut membuat tinjauan serta memastikan peniaga mematuhi arahan pelaksanaan SHMMP, Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) sempena Tahun Baharu Cina 2025 serta Back To School.

Simsudin menegaskan bahawa KPDN Labuan akan terus menjalankan pemantauan bukan sahaja di pasar raya malah di pasar awam bagi memastikan para peniaga mematuhi peraturan. 



SIMSUDIN (tengah) bersama Junaidah (dua dari kiri) ketika Program Walkabout dan Pelancaran SHMMP Tahun Baharu Cina 2025.

Banyak acara termasuk Tourism Fair Putrajaya terbesar

# POD 2025 RANCAKKAN EKONOMI

## Apakah matlamat POD pada kali ini?

Objektif penganjuran POD 2025 adalah untuk meningkatkan jaringan sosial antara PPJ dengan warga komuniti bagi mewujudkan keharmonian dan kebersamaan.

Selain itu, melalui platform ini juga, pihak kementerian, agensi, perbankan, telco dan lain-lain yang terlibat dapat menyampaikan maklumat terkini mengenai dasar dan perkhidmatan serta produk kepada pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik.

Bukan itu sahaja, ia dilaksanakan bagi memberi peluang kepada orang ramai dan pihak berkepentingan untuk menyalurkan aduan, komen dan sasaran bagi penambahbaikan perkhidmatan PPJ, selain membantu meningkatkan ekonomi dan pendapatan peniaga serta merencanakan industri pelancongan Putrajaya.

## Apakah tarikan utama kali ini?

Sudah menjadi kelaziman seperti tahun-tahun sebelum ini, PPJ sentiasa memikirkan sesuatu pembaharuan yang perlu diketengahkan khasnya kepada pengunjung supaya POD 2025 menjadi suatu platform bermaklumat dan bermanfaat.

Banyak pembaharuan yang kami bawa pada POD 2025, antaranya Tourism Fair Putrajaya terbesar bagi menyahut seruan Tahun Melawat Malaysia 2026, Taman Tema Kanak-Kanak, Pertandingan Perang Gendang, Jualan Jom Balik Sekolah dan Program Sejati MADANI iaitu inisiatif baharu Kerajaan MADANI yang bertujuan merencanakan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100,000 kepada komuniti yang layak.

Di samping itu, sebanyak 16 Persatuan Penduduk Putrajaya akan menjual produk masing-masing di reruai Ekspo Mainan dan Kenangan, Mini Zoo, Dapur Berasap dan Outdoor Village yang menampilkan jualan pelbagai barangan *outdoor* seperti peralatan berkemah, pakaian lasak, aksesori *hiking*, peralatan sukan luar serta barangan kraf yang sesuai untuk penggemar aktiviti luar.

Pihak PPJ turut menghimpunkan 14 kementerian dan 141 agensi bagi

**H**ARI Terbuka Putrajaya (Putrajaya Open Day - POD 2025) akan berlangsung empat hari bermula 6 hingga 9 Februari ini bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

POD 2025 adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) untuk menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta dalam satu acara besar di satu lokasi berpusat.

POD 2025 menasasarkan 100,000 pengunjung ke pusat pentadbiran kerajaan dan seterusnya dapat merencanakan lagi sektor ekonomi Putrajaya.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai POD 2025, wartawan Wilayahku, **SABRINA SABRE** bersua muka dengan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPJ, **SITI FADILAH RAMLI**.



PELBAGAI aktiviti menarik menanti pengunjung POD 2025.

menyampaikan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan atau produk kepada orang awam, pemegang taruh dan rakan strategik. Ia adalah bagi menyediakan maklumat, produk pelancongan, kesenian, kebudayaan dan kraf tangan kepada pengunjung yang hadir.

Lebih menarik, pengunjung yang hadir juga boleh mendapatkan diskaun sehingga 50 peratus bagi saman terpilih seluruh negara daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Malah pihak kami juga akan mengadakan **K e m p e n Jom Bayar**

Kompaun/Saman dengan kadar RM10 (kompaun) dan RM30 (bayaran saman) tertakluk kepada terma dan syarat.

## Selain kaunter perkhidmatan pelbagai kementerian, apakah tarikan lain?

POD kali ini mantap dengan pengisian dan padat informasi di setiap 12 zon acara yang disediakan.

Pelbagai reruai jualan yang menawarkan macam-macam produk, antaranya *beauty and wellness; baby and kids; lifestyle and services (travel); fashion and accessories; food and beverages (F&B)* dan Jualan Rahmah. Kami juga menyediakan 62 reruai F&B dengan menu dari pelbagai negeri untuk santapan pengunjung.

Selain itu, PPJ turut mengumpulkan pelajar dan produk di bawah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta GIATMARA. Antara perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengunjung adalah potong rambut, *manicure* dan *pedicure*, *alteration* pakaian, kulinari, bakeri dan pastri, seni reka fesyen, pameran dan jualan produk dengan harga yang sangat berpatutan.

Di samping itu, turut diadakan Karnival Kerjaya MYFutureJobs dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Karnival Wilayah Persekutuan, Pameran Kementerian, Dapur Berasap dan permainan e-sukan.

Dalam masa sama, pengisian pentas utama yang terletak di Dataran Putrajaya

tidak kurang hebatnya. Setiap malam POD 2025 akan memfokuskan pengisian pentas utama di mana pada hari pertama (6 Februari - Perang Gendang), hari kedua Wayang Pacak iaitu tayangan filem bertajuk Upin-Ipin Keris Siamang Tunggal & Sheriff dan hari ketiga (Konsert POD 2025).

Selain pengisian aktiviti pada waktu malam, pentas utama juga akan menjadi lokasi pelepasan bagi Program Langkah Ceria pada Sabtu pagi dan Putrajaya Inter-Park Ride pada Ahad pagi.

## Penganjuran POD pada kali ini dilaksanakan oleh PPJ sahaja atau ada kerjasama dengan mana-mana rakan strategik?

Sama seperti tahun-tahun sebelum ini, POD merupakan acara yang ditunggu-tunggu oleh semua rakan strategik untuk terlibat sama, apatah lagi pada tahun ini Sambutan Hari Wilayah dan POD dilaksanakan secara serentak sebagai pembukaan tahun 2025, semestinya aktiviti yang disenaraikan menjanjikan sesuatu yang 'wow' kepada pengunjung.

Alhamdulillah pada tahun ini kita dapat kerjasama yang sangat baik daripada semua pihak yang terlibat iaitu Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Mercure Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya, Wetland Studios Putrajaya, Taman Equestrian Putrajaya, Seri Spa Premium, Putrajaya Story, Glow Putrajaya, Putrajaya International Convention Centre, The Everly Putrajaya, Hotel Pulse Grande, Chocolate Souq Putrajaya, Cci Travel & Tours Sdn Bhd, In Saff Travel & Tours Sdn Bhd, Rehlah International Travel & Tours Sdn Bhd, Glocal Travel & Tours Sdn Bhd, Go Jannah Travel & Tours Sdn Bhd, Tripfez Jom Jalan, BSN, CIMB, Bank Islam, Bank Muamalat, Ambank, Alliance Islamic Bank, Tenaga Nasional Berhad, Putrajaya Holdings, CUCKOO, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, FINAS dan Les' Copaque Production.


## Harapan bagi POD 2025 pada tahun ini?

Saya berharap POD 2025 dapat menjadi platform yang menghubungkan masyarakat dengan kerajaan serta industri tempatan terutamanya dalam bidang agro, seni dan produk hiliran. Dengan adanya pelbagai pameran, jualan dan aktiviti interaktif, kami berharap para pengunjung dapat menikmati pengalaman yang menyeronokkan sambil mempelajari lebih lanjut tentang keunikan produk tempatan dan kepelbagaian budaya negara.

Selain itu, diharapkan program ini dapat memanfaatkan rakyat dari seluruh negara untuk datang mendapatkan perkhidmatan kerajaan termasuk keistimewaan diskaun saman dan lain-lain.

Justeru, saya ingin mempelawa seluruh rakyat Malaysia untuk hadir ke POD 2025 kerana kami bukan sahaja menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan untuk PPJ malah kesemua kementerian, agensi awam, perbankan, telco, hartanah dan lain-lain selain pelbagai aktiviti.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; Twitter @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPJ di [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my).

Jangan lupa untuk *hashtag* kami pada setiap hantaran anda iaitu #POD2025; #putrajayaopenday2025; #hariterbukaputrajaya2025 dan #satudestinasiipelbagaiisolusi. 



Filem Soloz: Game Of Life inspirasi generasi muda

# HAPUS STIGMA NEGATIF 'GAMER'

SABRINA SABRE

**T**IDAK ramai yang percaya permainan video mampu menjana pendapatan lumayan kerana sering kali dimomokkan sebagai aktiviti membuang masa serta tidak berfaedah.

Namun persepsi sinikal ini mula berubah sejak kelahiran tokoh sukan elektronik, Muhammad Faris Zakaria pada tahun 2020 apabila beliau digelar 'Maharaja' dan membuka mata ramai pihak khususnya ibu bapa akan potensi permainan video dalam e-sukan.

Merekodkan pelbagai pencapaian mengharumkan nama negara termasuk pingat gangsa pada Sukan SEA Manila 2019, kini perjalanan hidup anak kelahiran



SOLOZ

Seremban, yang lebih dikenali sebagai Soloz ini bakal disalami ramai peminatnya menerusi filem Soloz: Game Of Life.

Mula ditayangkan di pawagam seluruh negara sejak 23 Januari, hasil sentuhan pengarah terkenal dengan genre prolifik, Syafiq Yusof membawa penonton meneroka pengalaman Soloz menempuh pelbagai cabaran sebelum bergelar pemain e-sukan profesional dan melakar kejayaan dalam permainan video Mobile Legends Bang-Bang (MLBB).

Tidak sabar menanti respons orang ramai



PERJALANAN Soloz dalam dunia e-sukan tidak semudah yang disangka.

terhadap filem pertama seumpama ini di Malaysia, jejak berusia 32 tahun itu berharap naskah tersebut dapat memberi pencerahan kepada ibu bapa selain inspirasi kepada generasi muda agar tidak mengabaikan pelajaran apabila terlibat dalam permainan e-sukan.

"Semasa zaman saya mula bermain game, penerimaan ibu bapa sangat susah tetapi

sekarang sudah berbeza ditambah lagi dengan kemunculan filem ini.

"Mungkin filem ini boleh membuka minda ibu bapa dan diharap mereka yang mahu menasihati anak-anak, jangan terlalu keras sangat kerana khuatir anak-anak jadi stres seperti Irfan iaitu watak di dalam filem yang membuang keluarganya," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Gala Premier

Filem Soloz: Game Of Life.

Dalam masa sama, beliau berkata menerusi filem itu, gamers (atlet e-sukan) ini tidak sekadar mengharapkan perspektif ibu bapa terhadap permainan video berubah tetapi juga mahukan generasi muda yang ingin menerusi filem ini, sedikit sebanyak mereka dapat menyaksikan yang saya juga sambung belajar.

Berjaya membuktikan atlet e-sukan juga mampu menggenggam segulung diploma, Soloz tidak mahu ada generasi muda mengambil mudah keputusan untuk berhenti belajar sepertimana beberapa rakannya hanya kerana ingin memberi fokus kepada kerjaya itu.

"Berhenti belajar merugikan. Saya takut saya jadi asbab generasi muda hari ini tidak mahu menyambung pelajaran. Oleh itu, menerusi filem ini, sedikit sebanyak mereka dapat menyaksikan yang saya juga sambung belajar.

"Selain itu, saya juga mendengar pendapat keluarga sebelum membuat apa-apa keputusan untuk menjadi gamer. Jadi apa yang kita mahu sampaikan untuk generasi akan datang adalah boleh bermain game tetapi pelajaran dan keluarga tetap menjadi keutamaan," kata bekas pemain MLBB terkemuka negara itu.

Soloz: Game Of Life mengisahkan persaingan sengit antara The Boss dengan pasukan Singapura, Vengeance yang mengajar Soloz dan rakan sepasukan mengenai nilai persahabatan, semangat kesukanan dan persaingan sihat yang menjadi asas kejayaan.



BARISAN pemain skuad Harimau Malaya.

## 8 pemain bakal sarung jersi Harimau Malaya

**SKUAD** Harimau Malaya bakal tampil lebih garang apabila diumumkan proses dokumentasi membabitkan empat pemain warisan baharu sudah berada di peringkat kelulusan kerajaan Malaysia.

Menurut Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), pihaknya kini sedang menunggu lampu hijau daripada Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan kerakyatan bagi empat pemain warisan baharu Harimau Malaya.

"Selain itu, FAM juga dalam proses melengkapkan dokumentasi bagi empat pemain lain.

"FAM berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam usaha meningkatkan mutu pasukan Harimau Malaya," katanya dalam satu

kenyataan pada Sabtu.

Terdahulu, Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail Sultan Ibrahim memaklumkan bahawa enam hingga tujuh pemain warisan telah dikenal pasti untuk mewakili Malaysia.

Justeru, baginda berharap kerajaan dapat membantu dalam proses mendapatkan passport Malaysia agar pemain berkenaan dapat bermain untuk skuad Harimau Malaya pada kelayakan Piala Asia 2027 mulai Mac ini.

Skuad kebangsaan di bawah kendalian ketua jurulatih baharu, Peter Cklamovski akan memulakan kempen Kelayakan Piala Asia 2027 dengan aksi pertama Kumpulan F menentang Nepal pada 25 Mac depan.

## Kurangkan amalan politik dalam sukan

**PERSATUAN** sukan di negara ini diminta agar mengurangkan amalan politik dalam sukan termasuk ketika sesi pemilihan baharu persatuan terlibat.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, setiap pemilihan yang dibuat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) persatuan sukan perlu dilaksanakan secara sihat.

"Sekiranya amalan politik itu masih berterusan, saya khuatir ia secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pembangunan dan prestasi atlet serta jurulatih mereka.

"Biar politik itu dijalankan oleh parti politik. Persatuan sukan jalankan aktiviti sukan," katanya ketika diminta mengulas mengenai isu pemilihan calon jawatan Presiden Persatuan Hoki Kuala Lumpur (PHKL), Datuk Seri Megat D Shahrman Zaharudin yang didakwa terlibat dalam pemalsuan dokumen pencalonan.

Dakwaan terbabit dilakukan pencabarnya yang juga penyandang jawatan, I Vikneswaran menjelang AGM PHKL baru-baru ini.

Hannah berkata, tuduhan dilemparkan pada mana-mana sesi pemilihan ataupun AGM

persatuan sukan ialah perkara biasa dan sekiranya terbukti bersalah, Pesuruhjaya Sukan akan memainkan peranan dengan mengambil tindakan selanjutnya.

"Yang penting untuk setiap penganjuran AGM, perjalanan itu semua sudah ada undang-undang dan garis panduan terpakai. Kalau ada apa-apa aduan, memang Pesuruhjaya Sukan akan ambil tindakan ataupun ada juga yang sampai pergi ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hannah memberitahu akan menyerahkan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) bagi menilai taraf kejohanan dunia disertai atlet atau pasukan sebelum memberi ganjaran kepada mereka.

"Walaupun terdapat atlet atau pasukan menyertai kejohanan dunia, standard berkenaan berbeza khususnya bilangan negara yang bersaing dalam pertandingan itu.

"Misalnya Piala Dunia ada lima negara, ada pula 100 negara. Jadi, taraf itu berbeza dan oleh sebab itu, semua ini MSN ada cara pengiraan serta pengiktirafan, kita kena biarkan mereka buat kerja itu dan nasihatkan," katanya.


# IBU KOTA AJAR ERTI KEHIDUPAN

**DEEL ANJER**

**T**IBA 1 Februari setiap tahun, kita akan menyambut Hari Wilayah Persekutuan (Hari Wilayah). Tarikh ini bersempena pembentukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia dan Wilayah Persekutuan pertama pada 1 Februari 1974. Kuala Lumpur (KL) sebelum itu merupakan sebahagian daripada negeri Selangor.

Selain KL, Wilayah Persekutuan juga termasuk Putrajaya dan Labuan.

Apa yang istimewa, ramai selebriti membina kerjaya seni mereka di Wilayah Persekutuan terutamanya di KL.

Tidak kurang juga yang sanggup berhijrah dari Sabah dan Sarawak ke KL demi mengejar cita-cita dalam bidang seni. Antaranya Azharina Azhar, Ayu Damit dan Bob Yusof. Ketiga-tiga selebriti ini melalui pengalaman pahit manis di Wilayah Persekutuan yang telah mematangkan mereka. 



## Pelbagai pahit manis dilalui

**AYU Damit**, 36, menganggap Hari Wilayah amat bermakna bagi dirinya kerana pelbagai pengalaman pahit manis dilalui yang mematangkannya.

“Apabila tibanya Hari Wilayah, ia sebenarnya dekat sangat di hati saya. Terutamanya KL dan Putrajaya. Bermula sebagai anak kampung dari Sabah datang ke Kuala Lumpur pada 2007 demi menjadi penyanyi dalam program One In A Million (OIAM) musim kedua.


“Saya masih ingat lagi waktu itu, teruja sangat dapat ke KL sebab nak jadi penyanyi. Syukur, walaupun ia tidak mudah, tapi sudah menjadi rezeki saya jadi juara OIAM.

“Bayangkan, ketika itu saya masih muda berumur 18 tahun hidup di KL. macam-macam saya lalui. Tempat ini mengajar saya 1,001 pengalaman yang ternyata mematangkan saya.

“Begitu juga Putrajaya, banyak aktiviti seni saya terlibat seperti dalam Program Gegar Vaganza musim ketujuh dan banyak juga terima undangan nyanyian,” katanya.

Pelbagai pengalaman yang dilalui membuatkan Ayu begitu dekat dengan Wilayah Persekutuan.

“Wilayah terutamanya KL, sangat sinonim dengan diri saya. Walaupun cabaran hidup penuh liku, tetapi ia sangat bermakna.

“Dalam masa yang sama, saya bangga melihat perkembangan Wilayah Persekutuan yang bukan sahaja menitikberatkan soal ekonomi, tetapi juga erti kemanusiaan dalam masyarakat berbilang agama, bangsa dan kepercayaan,” tambahnya. 

## Kuala Lumpur lubuk rezeki

**BOB Yusof**, 43, adalah antara artis yang berhijrah dari Limbang, Sarawak memulakan kerjaya nyanyiannya di Kuala Lumpur menerusi program realiti Akademi Fantasia (AF) musim kedua pada 2004.

Bagi Bob, Kuala Lumpur adalah tempat para selebriti membina kerjaya dan mencari rezeki.

“Saya berhijrah ke KL demi menjadi penyanyi. Ia bukan satu keputusan mudah kerana kita pasti berkira-kira dan fikir banyak kali untuk tinggalkan kampung halaman.

“Memandangkan minat terhadap seni sangat dalam ditambah dengan dorongan keluarga, saya gagahkan jua ke KL.

“KL dikatakan sebagai tempat lubuk rezeki kerana rata-rata selebriti akan berhijrah ke sini untuk mengembangkan kerjaya mereka.

“Baik pelakon, penyanyi atau penggiat seni lain, kebiasaannya mereka merantau ke KL demi mencari peluang di sini. Rasanya dalam sektor lain, ramai yang fokus di KL.


“Jadi apabila sebut Hari Wilayah, ia sebenarnya begitu dekat dengan ramai orang yang datang dari luar KL. Ramai perantau bina kerjaya dalam pelbagai bidang di sini.

“Biasanya, apa-apa saja peluang, kita akan cakap KL. Itulah hakikatnya di KL banyak peluang,” katanya.

Bukan itu sahaja, Bob juga menyifatkan KL, Putrajaya dan Labuan mempunyai tarikan tersendiri sebagai destinasi bercuti atau melancong.

“Di sekitar KL, Putrajaya dan Labuan, banyak sangat tempat menarik. Cari sahaja di Internet, macam-macam ada. Pilih saja.

“Sangat banyak aktiviti menarik untuk dibuat di bandar raya bertaraf dunia ini. Dari aktiviti lasak ke aktiviti santai, banyak yang sesuai untuk dilakukan bersama keluarga.

“Rasanya Wilayah dah lengkap, ada macam-macam yang anda mahukan ada di sini,” tambahnya lagi. 



## Ada seronok, ada sedih

**AZHARINA Azhar**, 39, akui Hari Wilayah amat dekat di hatinya kerana ia mengajar tentang erti kehidupan yang jarang ada di tempat lain.

“Saya pernah terlibat dalam membuat persembahan sempena Hari Wilayah. Kiranya, saya mewakili Sabah dan Borneo sebagai anak seni, saya rasa sangat bertuah apabila dapat menyanyi dalam Majlis Sambutan Hari Wilayah.

“Dalam masa yang sama, boleh dikatakan Hari Wilayah ini satu signifikan dalam hidup saya. Ada seronok, ada sedihnya.


“Kalau tanya saya pasal Hari Wilayah, orang yang kenal rapat saya pasti tahu yang saya sangat sayangkan KL. Pelbagai pengalaman, suka dan duka sebagai penyanyi yang mula mengembangkan bakat di ibu kota ini,” katanya.

Bagi pelantun lagu Elergi Sepi ini, KL adalah simbol perpaduan rakyat.

“KL adalah hutan konkrit yang pada waktu malam ‘hidup’ dan sangat cantik, susah nak cari tempat lain seperti ini.

“KL ini banyak sangat ‘warna’. Warna yang saya maksudkan bukan sahaja kehebatan cahaya lampu-lampunya pada waktu malam, tetapi warna dari segi kemajmukan bangsa, bahasa, agama dan kepercayaan.

“Walaupun berlainan kaum, tapi kita hidup dalam satu rumpun. Bagi saya, keunikan ini sangat indah. Kita boleh duduk satu meja dengan kawan-kawan berbeza latar belakang tapi tetap boleh makan bersama-sama. Inilah antara *beauty of* Kuala Lumpur.

“Mungkin kalau kita pergi ke negeri lain, kebiasaannya satu komuniti hidup dalam satu kelompok. Tapi di Kuala Lumpur, semua bangsa menikmati pelbagai jenis makanan yang sampai bila-bila pun tak habis nak rasa. Terlalu banyak. Macam-macam ada,” tambahnya. 



Ada seronok,  
ada sedih >> 23

8 pemain  
bakal sarung  
jersi Harimau  
Malaya >> 22

# TERJERAT UMRAH PAKEJ RAHMAH

SERIMAH SALLEHUDDIN

**T**ERTARIK dengan harga pakej umrah tidak masuk akal, membuatkan ramai yang tidak mahu melepaskan peluang keemasan berkenaan, tanpa berfikir panjang kesahihan syarikat pengendali umrah.

Selain tertarik dengan tawaran harga 'rahmah', kehebatan 'marketing' syarikat pengendali umrah yang menggunakan wajah selebriti dan mempengaruhi sebagai pelaris menambahkan keyakinan bakal jemaah mendapatkan pakej umrah ditawarkan.

Insiden jemaah umrah mahupun haji yang terkandas akibat syarikat pengendali umrah tiba-tiba lesap bukanlah perkara baru.

Namun barangkali belum ada penguatkuasaan ketat menyebabkan syarikat-syarikat 'scammer' terus berleluasa.

Baru-baru ini insiden 300 jemaah umrah terkandas apabila syarikat pengendali umrah memberi alasan hotel penginapan dibatalkan pihak Arab Saudi kembali berulang.

Pengarah Urusan Harmony Excellence Holidays, **Nor Hashim Abdullah**, yang sudah lebih 20 tahun mengendalikan jemaah umrah dan haji, berkata kes penipuan boleh dielakkan sekiranya jemaah berhati-hati memilih syarikat pengendali.

Menurutnya, kes jemaah tidak terbang bukan kali pertama berlaku, sebaliknya masalah itu sudah berulang kali terjadi tetapi masih ramai yang tidak mengambil iktibar.

"Kalau sebut harga murah, orang Malaysia memang cepat merebut peluang itu. Pernah harga pakej paling murah ditawarkan berjumlah RM3,500.

"Saya faham siapa mahu melepaskan tawaran semurah itu? Tapi sebelum membuat bayaran, pastikan dulu kesahihan syarikat.

"Lihat berapa banyak perjalanan yang sudah mereka uruskan, adakah mereka memiliki lesen? Lebih ketat lagi jika mereka memiliki lesen haji," katanya.



Nor Hashim berkata, lesen haji bukan mudah untuk diperolehi. Syarikat miliknya, baru memiliki lesen haji empat tahun lalu setelah dua dekad beroperasi.

"Seeloknya jika berniat hendak pergi, carilah syarikat yang memang sudah dikenali sebagai contoh Andalusia atau Tabung Haji Travel.

"Bukan semua syarikat baru bermasalah, ada juga yang boleh dipercayai. Tapi sebelum membuat tempahan pastikan semak dulu sejarah syarikat.

"Ada sesetengah syarikat yang membuat iklan mengelirukan, mereka tawarkan harga tiket murah contohnya RM5,500 dan menyatakan jarak masjid dan hotel hanya 50 meter.

"Tapi bila sampai ke sana, rupanya jarak masjid dan tempat penginapan tidak seperti

dijanjikan. Jadi semua ini perlu diambil kira sebelum membuat sebarang bayaran," katanya lagi.

Nor Hashim turut mengingatkan jemaah yang sudah membuat bayaran supaya meminta salinan visa dan tiket penerbangan bagi memastikan penerbangan adalah sah.

Harga tiket menunaikan umrah juga katanya berbeza di musim tertentu seperti cuti sekolah dan bulan Ramadan.

"Kebiasaannya tiket penerbangan lebih mahal RM1,000 pada waktu puncak seperti cuti sekolah dan Ramadan.

"Jadi jika ada syarikat yang boleh tawarkan harga murah memang tidak masuk akal," katanya.

Ujar Nor Hashim lagi, ada syarikat baru yang suka menabur janji palsu dengan mengatakan mereka mempunyai ribuan tempat duduk kosong. Namun hakikat sebaliknya, tempat itu sebenarnya tidak wujud.

"Kesilapan syarikat baru ini, mereka suka

tawarkan harga yang murah dan kononnya ada beribu-ribu tempat duduk kosong.

"Mereka akan meminta jemaah membuat bayaran penuh untuk menempah tempat duduk. Tapi apa yang terjadi, mereka gali lubang tutup lubang.

"Jemaah yang membuat tempahan awal mungkin bernasib baik dan sempat terbang.

"Wang berkenaan kemudian digunakan juga untuk membuat pemasaran dan pengiklanan dan apabila masuk penerbangan yang kelima atau keenam sebagai contohnya, wang yang dibayar jemaah sudah habis digunakan," katanya lagi.

Nor Hashim berkata, memang banyak syarikat penerbangan menyediakan perkhidmatan untuk ke Tanah Suci tetapi syarikat pengendali tidak membuat tempahan.

Jadi tidak mungkin jemaah dapat terbang, itulah yang menyebabkan terjadinya insiden jemaah terkandas disebabkan janji palsu syarikat.



NOR HASHIM

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
  
**UNTUK INFORMASI TERKINI!**

**IMBAS KOD QR**